

BAB
KELIMA

BAB KELIMA

PEMIKIRAN NAHU AL-ZAMAKHSYARIY SECARA KHUSUS DALAM TAFSIR AL-KASYSYAF

5.0 Pendahuluan

Bab Kelima ini akan membincangkan pemikiran nahu al-Zamakhsyariy secara khusus, iaitu pemikiran nahu yang menggambarkan kedudukan beliau sebagai salah seorang ulama nahu daripada Aliran Nahu Baghdad. Seperti yang dinyatakan dalam Bab Kedua sebelum ini, ciri-ciri utama ulama nahu Aliran Nahu Baghdad adalah seperti berikut, iaitu :-

- 1) Mempunyai pemikiran nahu yang sama dengan Aliran Nahu Basrah.
- 2) Mempunyai pemikiran nahu yang sama dengan Aliran Nahu Kufah.
- 3) Mempunyai pemikiran nahu yang tersendiri.

Namun begitu, al-Zamakhsyariy juga kadang-kadang dilihat tidak memihak kepada mana-mana satu daripada kedua-dua aliran nahu tersebut. Oleh itu, dalam Bab Kelima ini penulis akan membincangkan pemikiran-pemikiran nahu al-Zamakhsyariy dalam *Tafsir al-Kasysyaf* dalam keempat-empat kategori seperti yang berikut :-

- 1) Persetujuan al-Zamakhsyariī terhadap Aliran Nahu Basrah.
- 2) Persetujuan al-Zamakhsyariī terhadap Aliran Nahu Kufah.
- 3) Persetujuan al-Zamakhsyariī terhadap Aliran Nahu Basrah dan Aliran Nahu Kufah.
- 4) Ijtihad al-Zamakhsyariī dalam pemikiran nahu.

5.1 Persetujuan Al-Zamakhsyariī Terhadap Aliran Nahu Basrah

Seperti yang telah dinyatakan dalam Bab Kedua sebelum ini, al-Zamakhsyariī termasuk dalam kategori ulama nahu Aliran Nahu Baghdad yang lebih cenderung kepada Aliran Nahu Basrah. Oleh itu, dalam kitab Tafsir al-Kasyasyaf ini kita akan dapati al-Zamakhsyariī banyak mengemukakan pemikiran nahu yang memihak kepada Aliran Nahu Basrah. Antara pemikiran nahu al-Zamakhsyariī yang menyokong Aliran Nahu Basrah adalah seperti yang berikut :-

5.1.1 `Atf Ke Atas Al-Damir Al-Makhfud

Menurut al-Anbariy (1961 : 2 / 463) yang bermaksud : "Ulama-ulama Aliran Nahu Kufah berpendapat bahawa `atf (penyambungan) ke atas al-Damir al-Makhfud (Gantinama Genetif) adalah harus seperti contoh :- (مَرْتَبُ بَنَ وَزِيدٍ) yang

bermaksud : "Saya lalu dihadapan kamu dan Zaid"), manakala ulama-ulama Aliran Nahu Basrah pula tidak mengharuskannya".

Antara hujah Aliran Nahu Kufah ialah firman Allah Ta'ala dalam surah al-Nisā' ayat yang pertama, iaitu ﴿وَأَتُقُولُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامُ﴾ yang bermaksud : "Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut namaNya dan kamu meminta pertolongan dengan kaum kerabat", yakni berdasarkan qirā'at mutawātirat Ḥamzat al-Zayyāt yang membaca perkataan الْأَرْحَامُ secara genetif. Ini kerana perkataan tersebut menjadi ma'tūf (kata yang disambung) kepada al-Damīr al-Makhfūd pada perkataan sebelumnya.

Bagaimanapun, Aliran Nahu Basrah berpendapat bahawa 'atf ke atas al-Damīr al-Makhfūd tidak harus kerana al-jārr wal majrūr adalah seumpama satu perkataan. Ini kerana apabila kita melakukan penyambungan ke atas al-Damīr al-Makhfūd, maka kita seolah-olah melakukan penyambungan kata nama ke atas harf jārr (partikel genetif), sedangkan perkara tersebut tidak harus dilakukan (al-Anbāriy, 1961 : 2 / 466).

Sokongan al-Zamakhsyārī terhadap Aliran Nahu Basrah dalam masalah ini dapat dilihat semasa beliau mentafsir ayat tersebut di atas, iaitu :-

وَأَنْتُمْ أَلْهُمْ الَّذِي تَسْأَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ... yang bermaksud : "....

Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut namaNya, dan peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat, kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu".

Sehubungan ayat ini, al-Zamakhsyari (1995 : 1 / 452) menjelaskan bahawa bacaan genetif bagi perkataan الْأَرْحَامِ adalah berdasarkan 'atf satu kata nama yang zahir ke atas satu gantinama. Baacaan yang seperti ini tidak tepat kerana al-Damīr al-Muttasil (Gantinama Yang Bersambung) yang bercantum dengan harf jarr seumpama satu perkataan yang tidak boleh dipisahkan. Perkara yang sama juga boleh dilihat dalam dua contoh yang berikut :-

1) مَرْرَتُ بِهِ وَزَيْدٍ yang bermaksud : "Saya lalu dihadapannya dan juga Zaid".

2) هَذَا غُلَامٌ وَزَيْدٌ yang bermaksud : "Ini ialah budak suruhannya dan juga Zaid".

Menurut al-Zamakhsyari, kedua-dua contoh yang seperti ini tidak harus sama sekali. Oleh itu, pengulangan 'amil (yakni agen yang menyebabkan gejala genetif tersebut) perlu dilakukan sebagaimana dua contoh yang berikut :-

1) مَرْنَتْ بِهِ وَبِزَيْدٍ yang bermaksud : "Saya lalu dihadapannya dan juga

Zaid".

2) هَذَا غُلَامٌ وَغُلَامٌ زَيْدٌ yang bermaksud : "Ini ialah budak suruhannya dan

juga Zaid".

Dalam ayat al-Quran di atas terdapat dua bentuk qira'at mutawatirat, iaitu qira'at Hamzat membaca perkataan الأَرْحَام dalam bentuk genetif dan qira'at sembilan imam yang selebihnya membaca perkataan tersebut secara akusatif, iaitu الأَرْحَام .

Mengikut qira'at Hamzat, perkataan الأَرْحَام (yang dibaca secara genetif) dii'rāb sebagai ma'tūf kepada al-Damīr al-Makhfūd pada perkataan ، manakala qira'at mutawatirat daripada sembilan imam qira'at yang selebihnya pula, perkataan tersebut (yang dibaca secara akusatif) dii'rāb sebagai ma'tūf kepada lafzuljalalat (perkataan yang merujuk kepada nama Allah Ta'ala) .

Pandangan Aliran Nahu Basrah yang disokong oleh al-Zamakhsyariy ini sebenarnya adalah pandangan Sibawayh (1988 : 2 / 381) yang bermaksud :

"Antara ujaran yang tidak elok ialah ujaran yang menyatukan kata nama zahir dengan gantinama genetif seperti ujaran berikut :- مَرْأَتُكَ وَزَيْدٌ (yang bermaksud : "Saya lalu di hadapan kamu dan Zaid") dan وَهَذَا أَبُوكَ وَعَمْرُو (yang bermaksud : "Ini ayah kamu dan ayah 'Amr"). Ini kerana orang-orang Arab tidak suka menyatukan kata nama zahir dengan gantinama yang bersatu dengan perkataan sebelumnya".

Walau bagaimanapun, sokongan al-Zamakhsyari terhadap Aliran Nahu Basrah ini mendapat kritikan daripada ulama-ulama nahu selepasnya. Menurut Ibn Hisyām di dalam kitab beliau "Awdah al-Masālik" (T. T. : 3 / 392) : "Pendapat tersebut bagaimanapun bukanlah sesuatu yang menjadi kelaziman sebagaimana yang dipersetujui oleh Yūnus, al-Akhfasy dan ulama-ulama Aliran Nahu Kufah".

Sokongan al-Zamakhsyari terhadap Aliran Nahu Basrah dalam masalah ini juga boleh dilihat semasa beliau mentafsir firman Allah Ta'ala dalam surah al-Baqarāt ayat yang ke-217, iaitu :- يَسْأَلُونَكَ عَنِ الشَّهْرِ الْحَرَامِ قَاتِلٌ فِيهِ ، قُلْ قَاتِلُ فِيهِ كَثِيرٌ وَصَدُّ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ وَكُفُرٌ بِهِ وَالْمَسْجِدُ الْحَرَامُ وَإِخْرَاجُ أَهْلِهِ مِنْهُ أَكْبَرُ

... yang bermaksud : "Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hukum) berperang dalam bulan yang dihormati, katakanlah : "Perperangan dalam bulan itu adalah berdosa besar, tetapi perbuatan menghalangi (orang-orang Islam) dari jalan Allah, dan perbuatan kufur kepadaNya, dan juga perbuatan

menyekat (orang-orang Islam) ke Masjid al-Haram (di Mekah), serta mengusir penduduknya dari situ, (semua itu) adalah lebih besar lagi dosanya di sisi Allah ... ”.

Menurut al-Zamakhsyari (1995 : 1 / 256) yang bermaksud : “Perkataan **الْمَسْجِدُ الْحَرَامُ** adalah ma’tuf kepada perkataan **سَبِيلُ اللَّهِ**. Sehubungan itu, perkataan tersebut tidak harus menjadi ma’tuf kepada gantinama Ha’ yang terdapat pada perkataan **سَبِيلُ اللَّهِ** sebelumnya”.

Keterangan al-Zamakhsyari ini jelas sekali memihak kepada Aliran Nahu Basrah yang tidak mengharuskan ‘atf ke atas al-Damīr al-Makhfūd. Oleh itu, mereka berpendapat bahawa perkataan **الْمَسْجِدُ الْحَرَامُ** itu mestilah di’atafkan kepada perkataan **سَبِيلُ اللَّهِ** dan bukannya kepada gantinama Ha’ pada perkataan **سَبِيلُ اللَّهِ** sebagaimana pendapat Aliran Nahu Kufah.

Menurut Abū Hayyān (1992 : 2 / 387) yang bermaksud : “Pendapat yang kami pilih dalam masalah ini ialah pendapat Aliran Nahu Kufah, kerana pendapat tersebut diperkuatkan secara al-samā’ dan juga al-qiyās”.

5.1.2 Pemisahan Antara Mudāf dan Mudāf llayh

Sokongan al-Zamakhsyariy terhadap Aliran Nahu Basrah dalam masalah ini dapat dilihat semasa beliau mentafsir firman Allah Ta`ala dalam surah al-An`ām ayat yang ke-137, iaitu :- وَكَذَلِكَ زَيْنَ لِكَثِيرٍ مِّنَ الْمُشْرِكِينَ قَتْلُ

أُولَادِهِمْ شَرَكَاهُمْ لَبِرْدُهُمْ وَلِبَسُوا عَلَيْهِمْ دِيَنَهُمْ ... yang bermaksud : "Dan demikianlah (juga jahatnya) ketua-ketua yang dijadikan sekutu bagi Allah oleh orang-orang Musyrikin, menghasut kebanyakan dari orang-orang Musyrikin dengan kata-kata indah yang memperlihatkan eloknya perbuatan membunuh anak-anak mereka, untuk membinasakan mereka dan untuk mengelirukan mereka mengenai agama mereka".

Berhubung dengan ayat ini, al-Zamakhsyariy (1995 : 2 / 67) menjelaskan bahawa menurut qira'at Ibn 'Āmir, ayat ini dibaca seperti berikut :-

، قَتْلُ أُولَادِهِمْ شَرَكَاهُمْ - iaitu dibaca secara nominatif pada perkataan قَتْلُ ،

secara akusatif pada perkataan أُولَادِهِمْ dan secara genetif pada perkataan

شَرَكَاهُمْ - yakni dalam bentuk idāfat perkataan قَتْلُ kepada perkataan

شَرَكَاهُمْ dan memisahkan antara kedua-duanya dengan perkataan yang

selain daripada zarf, iaitu perkataan أُولَادِهِمْ .

Berdasarkan qira'at Ibn 'Amir ini, perkataan قُتْلُ dii'rāb sebagai nā'ib fā'il (pengganti pelaku) kepada kata kerja زَنْ yang dibaca dalam bentuk al-mabniy lilmajhūl (kata kerja yang tidak mengandungi fā'il, tetapi menjadikan mafūl sebagai nā'ib fā'il), manakala perkataan أَوْلَادُهُمْ pula dii'rāb sebagai mafūl bih kepada perkataan قُتْلُ tersebut. Dalam pada itu, perkataan قُتْلُ juga pada masa yang sama menjadi mudāf (kata nama penyandar) kepada perkataan شُرِّكَاهُمْ yang menjadi mudāf ilayh (kata nama disandar) dan kedua-duanya dipisahkan oleh perkataan أَوْلَادُهُمْ .

Bagaimanapun, bacaan seperti ini tidak diharuskan sebagaimana ianya tidak diharuskan pada bait puisi berikut :-

فَرَجَحْتُهَا بِمِزَاجٍ / * زَجُ الْقُلُوصُ أَبِي مَزَادَةَ

yang bermaksud : "Aku mencucuk unta itu dengan lembing yang pendek sebagaimana Abu Mazadat mencucuk untanya".

Dalam bait puisi ini, perkataan زَجُ diidafatkan kepada perkataan أَبِي dan kedua-duanya dipisahkan oleh perkataan الْقُلُوصُ - yang berfungsi sebagai mafūl bih - yang bukan terdiri daripada zarf atau ḥarf jarr.

Dalam keterangan di atas, jelas sekali al-Zamakhsyariy menolak pemisahan antara mudāf dan mudāf ilayh walaupun beliau tidak menyatakan sebab-sebab kepada penolakan tersebut. Menurut al-Anbāriy (1961 : 2 / 431) ulama-ulama Aliran Nahu Basrah berpendapat pemisahan antara mudāf dan mudāf ilayh itu tidak harus kerana kedua-duanya seumpama satu perkataan. Bagaimanapun, kedua-duanya harus dipisahkan dengan *zarf* dan *harf jār* kerana *zarf* dan *harf jār* mempunyai keringanan dalam ayat berbanding perkataan-perkataan yang lain daripada itu.

Manakala, ulama-ulama Aliran Nahu Kufah pula berpendapat perkara tersebut diharuskan kerana orang-orang Arab kerap kali melakukan perkara tersebut dalam puisi-puisi mereka, termasuk puisi yang dinyatakan oleh al-Zamakhsyariy tadi.

Selain itu, qirā'at Ibn 'Amir di atas juga membuktikan perkara tersebut adalah harus. Justeru itu, sekiranya pemisahan tadi berlaku dalam ayat al-Quran, maka ia lebih utama berlaku dalam puisi (al-Anbāriy, 1961 : 2 / 427 - 431).

Pendapat Aliran Nahu Kufah dalam masalah ini turut disokong oleh Ibn Mālik yang menyebut :-

فَصُنْلُ مُضَافٍ شِبْهٍ فِعْلٍ مَا نَصَبْ * مَفْعُولًا أَوْ طَرْفًا أَجْزٌ وَلَمْ يُعْبَ

yang bermaksud : "Memisahkan mudāf yang berfungsi seperti kata kerja, iaitu mengakusatifkan maf'ul atau *zarf* (iaitu memisahkannya dengan mudāf ilayh) adalah harus dan tidak tercela" (Ibn 'Aqil, 1988 : 2 / 77).

Sokongan al-Zamakhsyariy terhadap Aliran Nahu Basrah dalam masalah ini juga boleh dilihat semasa beliau mentafsir firman Allah Ta`ala dalam surah Ibrāhīm ayat yang ke-47, iaitu :-

فَلَا تَحْسِنُنَّ اللَّهُ مُخْلِفٌ وَعْدَهُ رُسُلُهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ ذُو الْإِنْقَاضِ yang bermaksud : "Oleh itu,

janganlah engkau menyangka Allah memungkiri janjiNya kepada rasulNya.

Sesungguhnya Allah maha kuasa, lagi sedia membala (orang-orang yang menderhaka kepadaNya)".

Menurut al-Zamakhsyari (1995 : 2 / 544) yang bermaksud : "Ada pihak yang membaca :- ، مُخْلِفٌ وَعْدَهُ رُسُلُهُ iaitu perkataan رُسُلُهُ dibaca secara

genetif dan perkataan وَعْدَهُ dibaca secara akusatif. Bacaan ini adalah lemah seba-

gaimana mereka yang membaca :- قَاتَلُوا لَدُمْ شَرِكَائِهِمْ (al-An`ām : 137)".

Berdasarkan qira`at syādhat yang dinyatakan oleh al-Zamakhsyari ini, perkataan مُخْلِفٌ (iaitu mudaf) diidafatkan kepada perkataan رُسُلُهُ yang menjadi maf`ul awwal (objek pertama) baginya. Keadaan ini menyebabkan berlakunya pemisahan antara mudaf dan mudaf ilaiyh dengan satu perkataan, iaitu perkataan وَعْدَهُ yang menjadi maf`ul thāni (objek kedua) bagi mudaf tersebut.

Sekiranya dalam surah al-An'ām ayat yang ke-137 sebelum ini, al-Zamakhsyariy telah mengkritik qira'at Ibn 'Āmir yang berbentuk mutawātirat, maka tidak pelik sekiranya dalam ayat ini al-Zamakhsyariy telah melemahkan bentuk bacaan qira'at syādhat dalam ayat yang kedua ini.

5.1.3 Mendahulukan Ma'mūl Ism al-Fi'l Daripada Ism al-F'il

Persetujuan al-Zamakhsyariy terhadap Aliran Nahu Basrah dalam masalah ini dapat dilihat semasa beliau mentafsir firman Allah Ta'ala dalam surah al-Nisā' ayat yang ke-24, iaitu :-

وَالْمُحْسِنُونَ مِنَ النِّسَاءِ إِلَّا مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ كِتَابَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ ... yang bermaksud :

"Dan (diharamkan juga kamu berkahwin dengan) perempuan-perempuan isteri orang, kecuali hamba sahaya yang kamu miliki. (Haramnya segala yang tersebut itu) ialah suatu ketetapan hukum Allah yang diwajibkan atas kamu ...".

Menurut al-Zamakhsyariy (1995 : 1 / 487) yang bermaksud :- "Perkataan *كتاب الله* adalah masdar yang berfungsi sebagai tawkid (penguat). Oleh itu, ayat tersebut bermaksud : "Allah telah mewajibkan dan memfardukan perkara tersebut ke atas kamu dengan sebenar-benar fardu".

Kenyataan al-Zamakhsyari yang menyatakan bahawa perkataan **كتاب الله** adalah masdar yang berfungsi sebagai tawkid adalah sama dengan pendapat yang dikemukakan oleh Aliran Nahu Basrah.

Menurut al-Anbari (1961 : 1 / 228) yang bermaksud : "Ulama-ulama Aliran Nahu Kufah berpendapat bahawa Ism al-Fi'l (Kata Nama Perbuatan) seperti **عَلَيْكَ وَدُرْتَكَ وَعِنْدَكَ** - untuk tujuan memberi daya tarikan - harus didahului oleh ma'mulnya (yakni objeknya) seperti contoh berikut :-

1) **زَيْدًا عَلَيْكَ** yang bermaksud : "Kamu hendaklah berwaspada dengan Zaid".

2) **وَغَمْرًا عِنْدَكَ** yang bermaksud : "Kamu hendaklah membawa 'Amr bersama-sama kamu".

3) **وَبَكْرًا دُرْتَكَ** yang bermaksud : "Kamu hendaklah membawa Bakr bersama-sama kamu".

Antara hujah yang dikemukakan oleh Aliran Nahu Kufah ialah firman Allah Ta'ala dalam surah al-Nisa' ayat yang ke-24, iaitu :- dan **كتاب الله عَلَيْكُمْ**

bait puisi :-

يَا أَيُّهَا الْمُائِجُ دُلْوِي دُورْتَكَ * إِنِّي رَأَيْتُ النَّاسَ يَخْمِدُونَكَ

yang bermaksud : "Wahai penggali telaga ! Ambillah baldi ini, sesungguhnya aku melihat orang ramai memuji kamu".

Menurut Aliran Nahu Kufah, perkataan ﷺ - yang dibaca secara akusatif - dili'rab sebagai maf'ul kepada Ism al-Fi'l ﷺ sedangkan perkataan tersebut terletak sebelum Ism al-Fi'l berkenaan. Hal ini membuktikan bahawa ma'mul Ism al-Fi'l boleh mendahului Ism al-Fi'l.

Manakala, ulama-ulama Aliran Nahu Basrah pula tidak mengharuskan mendahulukan ma'mul Ism al-Fi'l ke atas Ism al-Fi'l. Al-Farrā' - daripada ulama Aliran Nahu Kufah - turut menyokong pendapat Aliran Nahu Basrah ini.

Aliran Nahu Basrah berpendapat bukti yang menunjukkan bahawa tidak harus mendahulukan ma'mul Ism al-Fi'l ke atas Ism al-Fi'l ialah hakikat bahawa perkataan-perkataan yang tergolong dalam kategori Ism al-Fi'l tersebut adalah satu cabang kepada kata kerja dari sudut fungsinya. Ini kerana perkataan-perkataan tersebut hanya berfungsi (dengan fungsi kata kerja seperti mengakusatifkan maf'ul) setelah perkataan-perkataan tersebut membawa makna kata kerja.

Oleh itu, perkataan-perkataan tersebut sepatutnya tidak bertindak sebagaimana kata kerja bertindak. Justeru itu, mendahulukan ma'mul Ism al-Fi'l ke atas Ism al-Fi'l itu tidak harus kerana perkara tersebut akan membawa kepada penyamaan antara perkataan yang menjadi cabang dengan perkataan

yang asal sedangkan keadaan tersebut tidak harus. Ini kerana perkataan yang menjadi cabang itu lebih rendah darjatnya daripada perkatan yang asal.

Menurut Aliran Nahu Basrah, perkataan **كتاب الله عليهكم** dibaca secara akusatif bukan disebabkan oleh perkataan **عليكم** selepasnya, tetapi disebabkan oleh kata kerja yang diandaikan wujud sebelumnya yang difahami melalui maksud ayat sebelumnya, iaitu firman Allah Ta'ala dalam surah al-Nisa' ayat yang ke-23 :- **حرمت عليكم أمهاتكم وبناتكم وآخواتكم وحلاةكم ...** yang bermaksud : "Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan (perempuan-perempuan yang berikut) : ibu-ibu kamu, anak-anak kamu, saudara-saudara kamu, saudara-saudara bapa kamu, saudara-saudara ibu kamu ...".

Justeru itu, ayat di atas diandaikan seperti berikut, iaitu :-

كتب كتاب الله عليهكم. Namun begitu, oleh kerana kata kerja yang merujuk kepada kewajipan daripada Allah Ta'ala itu digugurkan di dalam ayat, maka ayat tersebut menjadi :- **كتبا الله عليهكم**. Kemudian, lafaz masdar diidafatkan pula kepada fa'il selepasnya lalu menjadi :- **كتاب الله عليهكم** (al-Anbariy, 1961 : 1 / 229 - 231).

Melihat kepada pendapat Aliran Nahu Basrah yang dipersetujui oleh al-Zamakhsyariy di atas, kita dapati pendapat tersebut sebenarnya adalah pendapat yang telah dikemukakan oleh Sibawayh.

Menurut Sibawayh (1988 : 1 / 381) yang bermaksud : "Setelah Allah Ta'ala menyebut :- حُرْمَتْ عَلَيْكُمْ أَمْهَانُكُمْ sehingga selesai ayat, para pendengar mengetahui bahawa peraturan tersebut telah diwajibkan dan ditetapkan oleh Allah ke atas mereka. Oleh itu, firman Allah Ta'ala كِتابَ اللَّهِ berfungsi sebagai tawkid (kepada kewajipan tersebut)".

Bagaimanapun, pada masa yang sama Sibawayh juga menyebut (1988 : 1 / 382) yang bermaksud : "Sesetengah pihak beranggapan bahawa firman Allah كِتابَ اللَّهِ bersifat akusatif berdasarkan andaian (ayat tersebut bermaksud)

"عَلَيْكُمْ كِتابَ اللَّهِ".

Sesetengah pihak yang dimaksudkan oleh Sibawayh di sini ialah ulama-ulama Aliran Nahu Kufah. Hal ini kerana mereka berpendapat perka-taan كِتابَ اللَّهِ bersifat akusatif melalui perkataan عَلَيْكُمْ yang berfungsi sebagai Ism al-Fi'l. Oleh itu, ayat tersebut bermaksud (الْأَرْمَنْ كِتابَ اللَّهِ yang bermaksud : "Hendaklah kamu patuh kepada kitab Allah").

Menurut al-Mukhtar Ahmad Dayrat (1991 : 420) yang bermaksud : "Bukti yang menunjukkan bahawa Sibawayh tidak mengaibkan pendapat tersebut ialah kenyataannya yang tidak menyebut bahawa pendapat tersebut lemah atau pun penggunaannya kurang atau terdapat bentuk ayat yang lain yang lebih kerap digunakan oleh orang-orang Arab".

5.1.4 Partikel "Illa" Bermakna "Waw"

Menurut al-Anbāriy (1961 : 1 / 266) yang bermaksud : "Ulama-ulama Aliran Nahu Kufah berpendapat bahawa "illa" (إِلَّا) boleh bermakna al-Wāw (الْوَاءُ), manakala ulama-ulama Aliran Nahu Basrah pula berpendapat bahawa perkataan tersebut tidak boleh bermakna al-Wāw".

Antara hujah yang dikemukakan oleh Aliran Nahu Kufah ialah firman Allah Ta`ala dalam surah al-Baqarāt ayat yang ke-150, iaitu :-

لَلَا يَكُونُ لِلنَّاسِ عَلَيْكُمْ حُجَّةٌ إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ yang bermaksud : "... supaya tidak ada lagi sebarang alasan bagi orang-orang (yang menyalahi kamu) kecuali orang-orang yang zalim di antara mereka". Ayat ini bermakna :- ، وَلَا الَّذِينَ ظَلَمُوا dengan maksud "orang-orang yang zalim juga tidak mempunyai sebarang hujah terhadap kamu".

Menurut Aliran Nahu Kufah, pendapat mereka ini disokong oleh qira'at syâdhat yang diriwayatkan oleh Ibn Mujâhid yang membaca perkataan "Illa" tersebut sebagai "Ila" (إلی) yang membawa makna "*beserta orang-orang yang zalim di kalangan mereka*".

Sementara itu, Aliran Nahu Basrah pula berhujah bahawa "Illa" tidak boleh bermakna al-Wâw kerana "Illa" bermakna istithnâ' (pengecualian) yang bermaksud mengeluarkan golongan yang kedua di dalam ayat daripada hukum yang terkandung dalam golongan yang pertama.

Manakala, al-Wâw pula bermakna al-jam` (pengumpulan), iaitu memasukkan golongan yang kedua ke dalam hukum yang terkandung dalam golongan yang pertama di dalam ayat. Oleh itu, salah satu daripada kedua-dua perkataan tersebut tidak boleh disamakan maksudnya.

Menurut Aliran Nahu Basrah, ayat al-Quran yang dibawa oleh Aliran Nahu Kufah di atas tidak boleh dijadikan hujah oleh mereka. Ini kerana "Illa" dalam ayat tersebut berbentuk istithnâ' munqati` (pengecualian yang terputus), iaitu dengan makna "*tetapi orang-orang yang zalim akan berhujah ke atas kamu tanpa sebarang hujah*". Menurut mereka lagi, istithnâ' munqati` banyak terdapat dalam al-Quran dan puisi-puisi Arab.

Pendapat Aliran Nahu Basrah ini sama dengan pendapat yang telah dikemukakan oleh al-Zamakhshâriy semasa beliau mentafsir firman Allah

وَحِيتُ مَا كُثُمْ فَوَلُوا
Ta`ala dalam surah al-Baqara ayat yang ke-150, iaitu :-

وُجُوهُكُمْ شَطْرَةٌ لَّا يَكُونُ لِلنَّاسِ عَيْنُكُمْ حُجَّةٌ إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ فَلَا تَخْشُوْهُمْ

... وَأَخْشَوْنِي yang bermaksud : "Dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya (yakni Kaabah), supaya tidak ada lagi sebarang alasan bagi orang-orang (yang menyalahi kamu) kecuali orang-orang yang zalim di antara mereka (ada sahaja yang mereka jadikan alasan). Maka janganlah kamu takut kepada (cacat cela) mereka, dan takutlah kamu kepadaKu (semata-mata) ...".

Menurut al-Zamakhsyari (1995 : 1 / 204) yang bermaksud :- "Perkataan 'إِلَّا' dalam ayat ini bermaksud istithna', iaitu pengecualian daripada perkataan ^{النَّاسِ} (orang ramai). Oleh itu, makna ayat tersebut ialah "agar tidak ada sebarang hujah bagi seseorang daripada orang-orang Yahudi kecuali golongan yang menentang dari kalangan mereka yang telah berkata : "Nabi Muhammad tidak akan meninggalkan kiblat kita (yakni Baitul Maqdis) dan berpaling ke arah Kaabah kecuali kerana cenderung kepada agama kaumnya dan kerana cinta kepada tanah aimya. Sekiranya beliau berada di atas kebenaran sudah pasti beliau akan kekal mengadap kiblat para nabi".

Melalui keterangan al-Zamakhsyari ini, jelas sekali beliau berpendapat bahawa perkataan "إِلَّا" dalam ayat al-Quran tersebut bermakna istithna' dan bukannya al-Waw. Hal ini kerana jika perkataan "إِلَّا" bermakna al-Waw,

maka ayat al-Quran tersebut akan bermaksud "supaya tidak ada sebarang hujah di kalangan orang ramai (yang menentang kamu) termasuklah juga orang-orang yang zalim di kalangan mereka".

Perkara yang sama juga boleh dilihat semasa beliau mentafsir firman Allah Ta'ala dalam surah al-Nisa' ayat yang ke-148, iaitu :-

لَا يُحِبُّ اللَّهُ الْجَهَرُ بِالسُّنْنَةِ مِنَ الْقُولِ إِلَّا مَنْ ظَلَمَ وَكَانَ اللَّهُ سَمِيعًا عَلَيْهَا yang bermaksud

: "Allah tidak suka kepada perkataan-perkataan buruk yang dikatakan dengan berterus terang (untuk mendedahkan kejahatan orang), kecuali oleh orang yang dianianyakan. Dan (ingatlah) Allah sentiasa mendengar lagi amat mengetahui".

Menurut al-Zamakhsyari (1995 : 1 / 569) yang bermaksud :- "Firman Allah Ta'ala إِلَّا مَنْ ظَلَمَ bermaksud : "... kecuali perkataan buruk secara terus terang yang datangnya daripada orang yang dizalimi". Oleh itu, partikel "Illa" dalam ayat tersebut membawa maksud pengecualian yang ditujukan kepada perkataan buruk yang datangnya daripada orang yang dizalimi".

Kenyataan al-Zamakhsyari ini jelas sekali menunjukkan beliau memihak kepada Aliran Nahu Basrah yang tidak mengharuskan partikel "Illa" bermakna al-Waw. Ini kerana makna ayat tersebut berdasarkan pendapat Aliran Nahu Kufah adalah seperti berikut, iaitu :- "Allah tidak suka kepada perkataan-perkataan buruk yang dikatakan dengan berterus terang (untuk mendedahkan kejahatan orang) dan orang-orang yang dizalimi juga tidak suka kepada perkataan-perkataan tersebut".

Pendapat Aliran Nahu Kufah yang menganggap "Illa" boleh bermakna al-Waw ini disokong oleh Ibn Hisyām dalam kitab beliau "Mughnī al-Labib". Menurut Ibn Hisyām (1987 : 1 / 73) yang bermaksud : "Makna yang ketiga bagi "Illa" ialah sifatnya sebagai 'atifat' (kata sambung) yang sama kedudukannya dengan al-Waw, iaitu dari sudut perkongsian antara lafaz dan makna. Perkara ini disebut oleh al-Akhfasy, al-Farrā' dan Abū 'Ubaydat berdasarkan beberapa bukti, antaranya firman Allah Ta'ala dalam surah al-Baqarat ayat yang ke-150, iaitu :-

لَلَا يَكُونُ لِلنَّاسِ عَلَيْكُمْ حُجَّةٌ إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ

Bagaimanapun, kenyataan Ibn Hisyām yang turut menggabungkan al-Farrā' dalam pendapat ini bertentangan dengan teks yang terdapat dalam kitab "Ma'āni al-Qur'ān" oleh al-Farrā'. Dalam kitab tersebut (T. T. : 1 / 89) al-Farrā' menyebut yang bermaksud : "Sebahagian ulama nahu berpendapat bahawa "Illa" dalam ayat ini adalah sama kedudukannya dengan al-Waw. Oleh itu, ayat tersebut seolah-olah bermaksud :-

(yang bermaksud : "... supaya tidak ada lagi sebarang alasan bagi orang-orang yang menyalahi kamu dan orang-orang yang zalim juga tidak mempunyai sebarang hujah terhadap kamu".) Pendapat ini walaupun betul dari sudut pentafsirannya tetapi salah dari sudut bahasa Arabnya. Ini kerana "Illa" hanya bermakna al-Waw apabila kamu menyambungkannya ke atas "Illa" dalam bentuk istithnā' sebelumnya".

Contoh "Illa" yang bermakna al-Waw - seperti yang disyaratkan oleh al-Farra' - boleh dilihat dalam contoh berikut :- جَاءَ الطُّلَّابُ إِلَّا زَيْدٌ إِلَّا مُحَمَّدٌ yang bermaksud : "Semua pelajar datang kecuali Zaid dan Muhammad". Dalam contoh ayat ini, perkataan "Illa" yang pertama berbentuk istithna', manakala "Illa" yang kedua pula bermakna al-Waw, yakni makna "dan" dalam bahasa Melayu.

5.1.5 Idāfat Kata Nama Kepada Kata Nama Yang Bersamaan

Makna

Sokongan al-Zamakhsyariy terhadap Aliran Nahu Basrah dalam masalah ini dapat dilihat semasa beliau mentafsir firman Allah Ta'ala dalam surah Yusuf ayat yang ke-109, iaitu : - وَلَدَارُ الْآخِرَةِ خَيْرٌ لِّلنَّبِينَ أَتَقُوا أَفَلَا تَعْقِلُونَ ...

yang bermaksud : ".... Dan (ingatlah) sesungguhnya negeri akhirat lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa. Oleh itu, mengapa kamu (wahai manusia) tidak mahu memikirkannya ?".

Menurut al-Zamakhsyariy (1995 : 2 / 489) yang bermaksud :- "Firman Allah Ta'ala وَلَدَارُ الْسَّاعَةِ الْآخِرَةِ bermaksud : - وَلَدَارُ الْحَالِ الْآخِرِه ". atau pun :-

Dalam tafsiran ini, al-Zamakhsyariy telah mentakwilkan firman Allah Ta`ala tersebut dengan menganggap perkataan yang menjadi mudaf ilayh telah digugurkan daripada ayat berkenaan, iaitu sama ada perkataan السَّاعَةُ atau pun الحال . Oleh itu, perkataan yang pada asalnya berbentuk sifat kepada mudaf ilayh, iaitu perkataan الآخرة telah mengambil tempat mudaf ilayh tersebut.

Perkara yang hampir sama juga dilakukan oleh al-Zamakhsyariy semasa beliau mentafsir firman Allah Ta`ala dalam surah al-Waqi`at ayat yang ke-95, iaitu : إنَّ هَذَا لَهُوَ حَقُّ الْيَقِينِ yang bermaksud : "Sesungguhnya (segala yang disebutkan) itu adalah kebenaran yang yakin".

Berhubung dengan ayat ini, al-Zamakhsyariy (T. T. : 4 / 63) menjelaskan bahawa firman Allah Ta`ala **لَهُوَ الْحَقُّ الثَّابِتُ مِنَ الْيَقِينِ** bermaksud yakni "kebenaran yang teguh melalui keyakinan".

Melalui tafsiran ini, al-Zamakhsyariy telah menggambarkan bahawa perkataan yang digugurkan dalam ayat tersebut ialah perkataan yang menjadi sifat kepada perkataan الحق ، الثابت ، iaitu perkataan . Kemudian, tempatnya diambil oleh perkataan yang menjadi muta'alliq (yakni yang mempunyai

hubungan) dengannya, iaitu perkataan **الْيَقِينِ**. Kemudian, perkataan tersebut

diidafatkan pula kepada perkataan **الْحَقُّ** lalu menjadi **حَقُّ الْيَقِينِ**.

Melalui kedua-dua pentafsiran al-Zamakhsyariy di atas, jelas sekali beliau tidak mengharuskan idafat kata nama kepada suatu kata nama yang sama makna dengannya. Dalam kedua-dua ayat al-Quran tersebut, perkataan **ذَارُ** dengan **الآخِرَةِ** dan perkataan **حَقٌّ** dengan **الْيَقِينِ** masing-masing merupakan dua perkataan yang sama makna. Oleh kerana al-Zamakhsyariy tidak mengharuskan bentuk idafat seperti ini, maka beliau telah mentakwilkan ayat al-Quran tersebut mengikut pentafsiran yang sesuai dengannya.

Bentuk pentafsiran yang dilakukan oleh al-Zamakhsyariy ini sama dengan pendapat yang dipersetujui oleh Aliran Nahu Basrah. Menurut al-Anbariy (1961 : 2 / 436) yang bermaksud : "Ulama-ulama Aliran Nahu Kufah berpendapat bahawa harus melakukan idafat suatu kata nama kepada dirinya sendiri apabila kedua-dua kata nama tersebut berlainan lafaz. Manakala, ulama-ulama Aliran Nahu Basrah pula tidak mengharuskannya".

Antara hujah yang dikemukakan oleh Aliran Nahu Kufah ialah firman Allah Ta'ala dalam surah al-Waqi'at ayat yang ke-95, iaitu :-

إِنَّ هَذَا لَهُوَ حَقُّ الْيَقِينِ dan firmanNya dalam surah Yusuf ayat yang ke-109, iaitu :-

وَلَدَارُ الْآخِرَةِ خَيْرٌ .

Menurut Aliran Nahu Kufah, perkataan **الْيَقِينُ** dalam ayat al-Quran tersebut dari sudut maknanya adalah **na't** (sifat) kepada perkataan **الْحَقُّ**. Hal ini kerana ayat tersebut asalnya ialah **الْحَقُّ الْيَقِينُ**. Dalam ayat ini, perkataan yang menjadi man'ut (perkataan yang disifatkan) telah diidafatkan kepada **na't** baginya sedangkan kedua-duanya mempunyai makna yang sama. Perkara yang sama juga berlaku kepada perkataan **الدُّلُّورُ** dan **الْآخِرَةُ**.

Bagaimanapun, Aliran Nahu Basrah berpendapat keadaan yang sedemikian tidak harus, kerana maksud yang dikehendaki melalui **idafat** ialah **al-ta'rif** dan **al-takhsis** (pentakrifan dan pengkhususan), sedangkan sesuatu kata nama itu tidak boleh ditakrifkan dengan dirinya sendiri. Dalam hal ini, sekiranya kata nama tersebut telah bersifat **ma'rifat** (diketahui identitinya), maka kata nama tersebut tidak perlu lagi kepada **idafat**.

Oleh kerana ulama-ulama Aliran Nahu Basrah tidak mengharuskan **idafat** kata nama kepada suatu kata nama yang mempunyai makna yang sama, maka mereka telah mentakwilkan ayat-ayat al-Quran tersebut mengikut makna yang sesuai dengan pandangan mereka seperti berikut, iaitu :-
وَلَدَارُ السَّاعَةِ الْآخِرَةِ :- إنَّ هَذَا لَهُوَ حَقُّ الْأَمْرِ الْيَقِينِ (al-Anbārī, 1961 : 2 / 436 - 438).

Menurut al-Mukhtar Ahmad Dayrat (1991 : 362 - 363), pendapat Aliran Nahu Basrah ini jauh daripada ruh bahasa Arab. Dalam hal ini, "mereka seolah-olah telah lupa kepada kaedah yang mereka sendiri bina, iaitu perkara yang tidak perlu kepada pentakwilan adalah lebih baik daripada perkara yang memerlukan kepada pentakwilan".

5.1.6 Kedudukan "Ni'ma" dan "Bi'sa" Dari Sudut Kata Nama

Atau Kata Kerja

Menurut al-Anbari (1961 : 1 / 97) yang bermaksud : "Ulama-ulama Aliran Nahu Kufah berpendapat bahawa "ni'ma" (نعم) dan "bi'sa" (بس) kedua-duanya adalah kata nama yang di'rab sebagai mutbada', manakala ulama-ulama Aliran Nahu Basrah pula menganggap kedua-duanya adalah fi'l mādī (kata kerja kala lampau) yang tidak bersifat mutasarrif. [yakni tidak boleh berubah kepada fi'l mudāri' dan fi'l amr (kata suruh)].

Antara hujah Aliran Nahu Kufah adalah seperti berikut :-

- 1) Kedua-duanya boleh disertai oleh harf al-khafid (agen genetif) seperti contoh berikut :- مَا زَيْدٌ بِنْعَمُ الرَّجُلُ :- yang bermaksud : "Zaid bukanlah sebaik-baik lelaki" dan bait puisi Hassan bin Thabit :-

السَّنْتُ بِنْعَمُ الْحَارُ يُؤْلِفُ بَيْتَهُ * أَخْرَى قَلْهُ أَوْ مُغْدِمُ الْمَالِ مُصْرِمًا

yang bermaksud : "Tidakkah aku adalah sebaik-baik orang yang memberi pertolongan kepada mereka itu, kerana aku adalah saudara kepada orang-orang fakir atau mereka yang tiada harta".

2) Kedua-duanya boleh disertai dengan harf al-nida' (kata seruan) seperti contoh berikut :- يَا نَعْمَ الْمَوْلَى وَيَا نَعْمَ التَّصِيرْ yang bermaksud : "Wahai sebaik-baik penjaga dan sebaik-baik penolong !".

3) Kedua-duanya tidak elok disertai oleh perkataan yang merujuk kepada masa. Oleh itu, adalah tidak wajar kita menyebut :- نِعْمَ الرَّجُلُ أَمْسٍ yang bermaksud : "Dia adalah sebaik-baik lelaki kelmarin".

Antara hujah Aliran Nahu Basrah pula adalah seperti berikut :-

1) Kedua-duanya boleh bersambung dengan al-Damîr al-Marfû' (Ganti-nama Nominatif) sama seperti gantinama tersebut bersambung dengan fi'l mutasarrif (kata kerja yang boleh wujud dalam tiga bentuk iaitu fi'l madî, fi'l mudârî dan fi'l amr). Contohnya, seperti berikut :- نِعْمَا رَجُلَيْنِ ، وَنِعْمُوا رِجَالًا yang bermaksud : "Kedua-duanya adalah sebaik-baik lelaki dan mereka itu adalah sebaik-baik lelaki".

2) Kedua-duanya boleh bersambung dengan Tâ' al-Ta'nîth al-Sakinat (huruf "Tâ'" yang berbaris mati yang merujuk kepada golongan kata feminin)

seperti contoh berikut : - نَعْمَتِ الْمَرْأَةُ ، وَبَسَّتِ الْجَارِيَةُ yang bermaksud : "Dia adalah sebaik-baik wanita dan dia adalah seburuk-buruk sahaya perempuan".

Ekoran daripada perbezaan antara dua aliran nahu tersebut tentang kedudukan ni'ma dan bi'sa sama ada kedua-duanya kata nama atau pun kata kerja, maka bentuk i'rāb bagi ayat yang dibina dengan kedua-dua perkataan tersebut juga turut berbeza.

Bagi Aliran Nahu Kufah, i'rāb bagi ayat :- نِعْمَ الرَّجُلُ زَيْدٌ (yang bermaksud : "Zaid adalah sebaik-baik lelaki") ialah perkataan نِعْمَ dii'rāb sebagai subjek, perkataan الرَّجُلُ dii'rāb sebagai badal (pengganti) atau `atf al-bayān (kata sambung keterangan) dan perkataan زَيْدٌ pula dii'rāb sebagai predikat. Ini kerana mereka berpendapat ayat tersebut bermaksud :- المَدْحُونُ الرَّجُلُ زَيْدٌ (yang bermaksud : "Lelaki yang dipuji itu ialah Zaid") (al-Sabbān, T. T. : 3 / 26).

Bagi Aliran Nahu Basrah pula, perkataan نِعْمَ dii'rāb sebagai fi'l mādī, perkataan الرَّجُلُ dii'rāb sebagai fa'il (pelaku) dan perkataan زَيْدٌ pula dii'rāb sebagai predikat kepada subjek - iaitu gantinama هُوَ - yang telah digugurkan

dalam ayat berkenaan. Justeru itu, ayat tersebut diandaikan seperti berikut,

iaitu : نَعْمَ الرَّجُلُ هُوَ زَيْدٌ - .

Selain itu, perkataan زَيْدٌ juga boleh di'rāb sebagai badal (pengganti)

kepada perkataan الرَّجُلُ ، atau pun perkataan tersebut di'rāb sebagai

mubtada' mu'akhkhar dan frasa ayat sebelumnya (iaitu :- نَعْمَ الرَّجُلُ) adalah

khabar muqaddam (Maysyāl 'Āsi , 1987 : 1 / 189).

Sokongan al-Zamakhsyārī terhadap Aliran Nahu Basrah dalam masalah ini dapat dilihat semasa beliau mentafsir firman Allah Ta'ala dalam surah al-Zumar ayat yang ke-72, iaitu :-

قِيلَ ادْخُلُوا أَنْوَابَ جَهَنَّمَ حَلِيدِينَ فِيهَا فِيْنَسَ مَثْوَى الْمُتَكَبِّرِينَ yang bermaksud : "(Setelah

itu) dikatakan kepada mereka : "Masukilah pintu-pintu neraka jahannam itu dengan keadaan tinggal kekal kamu di dalamnya. Maka seburuk-buruk tempat bagi orang-orang yang sompong takbur ialah neraka jahannam".

Menurut al-Zamakhsyārī (T. T. : 3 / 358) yang bermaksud :- "Frasa ayat مَثْوَى الْمُتَكَبِّرِينَ adalah fa'il bagi kata kerja bi'sa. Sehubungan ini, terdapat dua jenis fa'il bagi kata kerja bi'sa, iaitu kata nama yang bersifat ma'rifa melalui Alif Lām al-Jins (yakni Alif Lām yang merujuk kepada jenis kata nama tersebut seperti contoh بِنْسَ الْمَرْأَةُ هِنْدٌ - yang bermaksud : "Hindun adalah seburuk-buruk perempuan")

atau kata nama yang diidafatkan kepada kata nama yang mempunyai Alif Lam al-Jins (seperti ayat yang di atas tersebut).

Dalam ayat al-Quran ini, perkara yang menjadi celaan secara khusus telah digugurkan daripada ayat tersebut dan diandaikan seperti berikut, iaitu :-

فِئْسَ مُتْوَى الْمُتَكَبِّرِينَ جَهَنَّمْ yang bermaksud : "Seburuk-buruk tempat bagi orang-orang yang sompong takbur ialah neraka jahannam".

Keterangan al-Zamakhsyari yang berpendapat bahawa perkataan مُتْوَى الْمُتَكَبِّرِينَ adalah fa'il kepada kata kerja bi'sa itu adalah sama dengan pendapat Aliran Nahu Basrah. Hal ini kerana sekiranya beliau berpihak kepada Aliran Nahu Kufah dalam masalah ini, maka perkataan tersebut akan dii'rāb sebagai badal atau pun 'atf al-bayān (kata sambung penerangan) kepada perkataan yang menjadi subjek dalam ayat, iaitu perkataan bi'sa yang membawa makna المَذْمُومُ (perkara yang dicela).

Oleh itu, andaian ayat al-Quran tersebut mengikut Aliran Nahu Kufah ialah المَذْمُومُ مُتْوَى الْمُتَكَبِّرِينَ جَهَنَّمْ :- .
فِئْسَ مُتْوَى الْمُتَكَبِّرِينَ هُوَ جَهَنَّمْ :- .

Menurut pentahqiq kitab "Al-Insāf Fī Masā'il al-Khilāf" yang bermaksud : "Kami dapati penggunaan yang meluas di kalangan orang-orang Arab ialah meng-

hubungkan Ta' al-Ta'nīth dan al-Damīr al-Marfū` dengan kedua-dua perkataan ni'ma dan bi'sa. Perhubungan tersebut tidak perlu kepada sebarang pentakwilan dan tidak dilakukan kerana seba-sebab darurat (yakni sebab-sebab yang tidak dapat dielakan). Oleh itu, pendapat yang sahih dalam masalah ini ialah pendapat Aliran Nahu Basrah" (al-Anbāriy, 1961 : 1 / 98).

5.1.7 Partikel "Wāw" Boleh Berbentuk Zā'idat

Menurut al-Anbāriy (1961 : 2 / 456) yang bermaksud : "Ulama-ulama Aliran Nahu Kufah berpendapat bahawa huruf "Wāw" al-`ātifat (huruf "Wāw" yang berfungsi sebagai penyambung) harus berbentuk zā'idat. Pendapat ini turut disokong oleh Abū al-Hasan al-Akhfasy, Abū al-`Abbas al-Mubarrad dan Abū al-Qāsim bin Barhān daripada Aliran Nahu Basrah. Manakala, ulama-ulama Aliran Nahu Basrah yang lain pula tidak mengharuskannya".

Antara hujah Aliran Nahu Kufah ialah firman Allah Ta`ala dalam surah al-Zumar ayat yang ke-73 حَتَّىٰ إِذَا جَاءُوكُمْ هَا وَفُتُحَتْ أَبْوَابُهَا :- yang bermaksud : "... sehingga apabila mereka sampai ke syurga yang pintu-pintunya sedia terbuka ...". Ini kerana dalam ayat sebelumnya (yakni ayat yang ke-71) Allah Ta`ala menyebut :- حَتَّىٰ إِذَا جَاءُوكُمْ هَا فُتُحَتْ أَبْوَابُهَا yang bermaksud : "sehingga apabila mereka sampai ke neraka, maka pintu-pintu neraka itu pun dibuka". Kedua-dua ayat berkenaan tidak ada apa-apa perbezaan.

Selain itu, mereka juga berhujah dengan firman Allah Ta'ala dalam surah al-Anbiā' ayat yang ke-96 dan 97 :- **حَتَّىٰ إِذَا فُتَحَتْ يَأْجُوجُ وَمَاجُوجُ وَهُمْ مِنْ**

كُلُّ حَدَبٍ يَسْسِلُونَ وَاقْرَبَ الْوَعْدُ الْحَقُّ ... yang bermaksud : "(Demikianlah keadaan mereka) hingga apabila terbuka tembok yang menyekat Ya'juj dan Ma'juj, serta mereka meluru turun dari tiap-tiap tempat yang tinggi. Dan hampirlah datangnya janji hari kiamat yang benar ... ". Menurut Aliran Nahu Kufah, huruf "Waw" pada perkataan **وَاقْرَبَ** adalah **zā'idat** kerana perkataan tersebut merupakan jawapan kepada firmanNya yang sebelum itu, iaitu :- **حَتَّىٰ إِذَا فُتَحَتْ**.

Aliran Nahu Basrah pula berhujah bahawa huruf "Waw" pada asalnya adalah satu huruf yang mempunyai makna yang tertentu. Oleh itu, anggapan huruf tersebut boleh berbentuk **zā'idat** adalah tidak harus selagimana tafsiran yang bersesuaian dengan makna asalnya boleh dilakukan. Dalam hal ini, semua bukti yang dikemukakan oleh Aliran Nahu Kufah tersebut boleh ditafsirkan berdasarkan makna asal yang dibawa oleh huruf "Waw".

Sebagai contohnya, huruf "Waw" dalam surah al-Zumar ayat yang ke-73 :- **وَفُتَحَتْ أَبْوَابُهَا** adalah "Waw" **ātifat** dan bukannya "Waw" **zā'idat**. Ini kerana jawapan kepada firmanNya :- **حَتَّىٰ إِذَا حَاعُوهَا** telah digugurkan daripada ayat tersebut. Oleh itu, ayat tersebut diandaikan seperti berikut :-

حَتَّىٰ إِذَا جَاءُوهُمْ وَفُتُحْتُمْ أَبْوَابُهُمْ فَازُوا وَتَعْمَلُوا yang bermaksud : "... sehingga apabila

mereka sampai ke syurga yang pintu-pintunya sedia terbuka, mereka akan mendapat kejayaan dan berada dalam kenikmatan (yang tidak terhingga)".

Begitu juga, huruf "Wāw" dalam surah al-Anbiya' ayat yang ke-97 :-
وَاقْرَبَ adalah "Wāw" ḥāfiẓ dan bukannya "Wāw" zā'idat. Ini kerana jawapan kepada firmanNya :- حَتَّىٰ إِذَا فُتُحَتْ telah digugurkan daripada ayat berkenaan.

Oleh itu, ayat tersebut diandaikan seperti berikut :-

حَتَّىٰ إِذَا فُتُحَتْ يَأْجُونُ وَمَا جُنُونٌ وَهُمْ مِنْ كُلِّ حَذَبٍ يَنْسِلُونَ قَالُوا يَا وَيَّا yang bermaksud : "Hingga apabila terbuka tembok yang menyekat Ya'juj dan Ma'juj, serta mereka meluru turun dari tiap-tiap tempat yang tinggi, maka orang-orang yang kufur ingkar akan berkata : "Aduhai celakalah kami !".

Menurut Aliran Nahu Basrah lagi, pengguguran jawapan dalam ayat-ayat yang tersebut adalah kerana jawapan tersebut telah pun diketahui dan juga bertujuan untuk meringkaskan dan memendekkan ayat berkenaan (al-Anbāriy, 1961 : 2 / 456 - 460).

Sokongan al-Zamakhsyariy terhadap Aliran Nahu Basrah dalam masalah ini dapat dilihat semasa beliau mentafsir firman Allah Ta'ala dalam surah al-Zumar ayat yang ke-73, iaitu :- وَسِيقَ الَّذِينَ أَقْرَبُوا رَبَّهُمْ إِلَى الْجَهَنَّمِ زُمْرًا حَتَّىٰ

إِذَا جَاءُوهُمْ وَفَتَحْتُ أَبْوَابَهَا وَقَالَ لَهُمْ خَزَنُهَا سَلَّمَ عَلَيْكُمْ طِبَّئُمْ فَادْخُلُوهَا خَلِدِينَ yang

bermaksud : "Dan orang-orang yang bertaqwa kepada tuhan mereka akan dibawa ke syurga dengan berpasuk-pasukan sehingga apabila mereka sampai ke syurga yang pintu-pintunya sedia terbuka dan penjaga-penjaganya mengalu-alukan mereka dengan kata-kata : "Salam sejahtera kepada kamu ! Berbahagialah kamu ! Maka silalah masuk ke dalam syurga ini dengan keadaan tinggal kekal kamu di dalamnya".

Sehubungan ayat ini, al-Zamakhsyariy (T. T. : 3 / 358) menjelaskan bahawa حَتَّىٰ ialah partikel yang menceritakan klausa-klausa ayat yang datang selepasnya. Dalam firman Allah Ta'ala ini, klausa ayat cerita yang terletak selepas حَتَّىٰ adalah sebagai syarat. Namun begitu, jawapan kepada syarat tersebut telah digugurkan daripada ayat berkenaan.

Hal ini kerana jawapan tersebut adalah gambaran kepada balasan yang akan diterima oleh penghuni-penghuni syurga. Justeru itu, pengguguran itu menunjukkan bahawa balasan tersebut adalah suatu perkara yang tidak dapat digambarkan (secara tepat oleh pemikiran manusia). Dalam hal ini, kedudukan yang sepatutnya bagi jawapan yang digugurkan tersebut ialah selepas perkataan خَلِدِينَ .

Dalam pada itu, ada pihak yang berpendapat bahawa makna ayat di atas ialah "sehingga apabila mereka sampai ke syurga, mereka sampai disertai

dengan pembukaan pintu-pintu syurga". Selain itu, ada juga pihak yang berpendapat bahawa pintu-pintu neraka hanya akan dibuka semasa penghuni-penghuni neraka memasuki neraka.

Manakala, pintu-pintu syurga pula telah sedia terbuka berdalilkan firman Allah Ta`ala dalam surah Sād ayat yang ke-50 :-

جَنَّاتٍ عَدْنٍ مُّنْتَهٰى لِهُمُ الْأَبَابُ yang bermaksud : "laitu beberapa buah syurga tempat penetapan yang kekal, yang terbuka pintu-pintunya untuk mereka". Justeru itu, ayat al-Quran tersebut didatangkan dengan huruf "Wāw" seolah-olah ia bermaksud "sehingga apabila mereka sampai ke syurga dalam keadaan pintu-pintu syurga telah sedia terbuka ...".

Melalui keterangan di atas, jelas sekali al-Zamakhsyariy tidak menganggap firman Allah Ta`ala :- وَفَتَحْتَ أَبْوَابِهَا menjadi jawapan kepada klausa ayat dalam bentuk syarat, iaitu firmanNya :- حَتَّى إِذَا جَاءُوهُمْا seperti mana dakwaan Aliran Nahu Kufah. Malah beliau menganggap jawapan tersebut telah digugurkan daripada ayat berkenaan kerana pengguguran tersebut mempunyai nilai-nilai balāghat yang tersendiri yang menunjukkan bahawa balasan yang akan diterima oleh penghuni-penghuni syurga tidak tergambar oleh pemikiran manusia. Oleh itu, huruf "Wāw" dalam firman Allah tersebut adalah "Wāw" ātifat dan bukannya "Wāw" zā'idat.

Di samping itu, al-Zamakhsyarij juga turut mengemukakan dua lagi pendapat yang berlainan tentang huruf "Wāw" tersebut. Pendapat yang pertama menganggap bahawa huruf "Wāw" tersebut bermakna وَ atau dinamakan juga "Wāw" al-Ma'iyyat.

Manakala, pendapat yang kedua pula menganggap huruf "Wāw" tersebut adalah "Wāw" al-hāl (yakni huruf "Wāw" yang bermaksud "dalam keadaan"). Dalam hal ini, kita dapat al-Zamakhsyarij sama sekali menolak pendapat yang mengatakan bahawa huruf "Wāw" itu adalah "Wāw" zā'idat.

Sokongan al-Zamakhsyarij terhadap Aliran Nahu Basrah dalam masalah ini diteguhkan lagi melalui pentafsiran beliau terhadap firman Allah Ta'ala dalam surah Yūsuf ayat yang ke-70, iaitu :-

فَلَمَّا جَهَزُوهُمْ بِجَهَازِهِمْ حَجَلَ الْسَّقَايَةَ فِي رَحْلٍ أَغْيَهُ ثُمَّ أَذْنَ مُؤَذْنَ أَتَتْهَا الْعِيرُ إِنْكُمْ لَسَرِقُونَ

yang bermaksud : "Maka tatkala ia membekalkan mereka dengan bekalan makanan (yang mencukupi keperluan) mereka, lalu ia meletakkan bejana minuman raja di kenderaan saudaranya (Bunyamin), kemudian menyerulah seorang penyuru : "Wahai orang-orang kafilah ini, sesungguhnya kamu adalah pencun".

Menurut al-Zamakhsyarij (1995 : 2 / 471) yang bermaksud :- "Ibn Mas'ud membaca وَجَلَ السَّقَايَةَ (iaitu dengan tambahan huruf "Wāw" berbanding qira'at mutawātirat) berdasarkan pengguguran jawapan bagi perkataan لَئِنْ (yang

bermaksud "tatkala"). Sehubungan itu, ayat ini seolah-olah bermaksud : "Tatkala ia (Nabi Yusuf) membekalkan mereka dengan bekalan makanan mereka dan meletakkan bejana minuman raja di kenderaan saudaranya (Bunyamin), ia pun merehatkan mereka (buat beberapa ketika) sehingga mereka bertolak. Kemudian menyerulah seorang penyeru ...".

Dalam keterangan di atas, jelas sekali al-Zamakhsyari membezakan makna yang dibawa oleh qirā'at syādhat Ibn Mas'ud yang mempunyai tambahan huruf "Wāw" dengan makna yang dibawa oleh qirā'at mutawātirat. Ini kerana beliau tidak menganggap huruf "Wāw" yang terdapat dalam qirā'at Ibn Mas'ud tadi adalah "Wāw" zā'idat sebagaimana pendapat Aliran Nahu Kufah dan seperti yang dinyatakan oleh al-Farrā' dalam kitab tafsir beliau "*Ma'anī al-Qur'ān*" (al-Farrā', T. T. : 2 / 50).

5.1.8 Partikel "Aw" Boleh Bermaksud "Wāw" Dan "Bal"

Menurut al-Anbārī (1961 : 2 / 478) yang bermaksud : "Ulama-ulama Aliran Nahu Kufah berpendapat bahawa partikel "aw" (او) boleh bermakna partikel "Wāw" dan "bal" (و), manakala Aliran Nahu Basrah pula berpendapat bahawa partikel tersebut tidak boleh membawa makna yang dibawa oleh partikel "Wāw" dan "bal" ".

Antara hujah Aliran Nahu Kufah ialah firman Allah Ta`ala dalam surah al-Saffat ayat yang ke-147 :- وَأَرْسَلْنَا إِلَيْ مِائَةِ أَلْفٍ أَوْ يَزِيدُونَ yang bermaksud :

"Dan (Nabi Yunus yang tersebut kisahnya itu) kami mengutusnya kepada (kaum-nya yang berjumlah) seratus ribu lebih" yakni dengan makna بَلْ يَزِيدُونَ atau pun

dengan makna وَيَزِيدُونَ dan juga firmanNya dalam surah al-Insān ayat yang

ke-24 وَلَا تُطِعْ مِنْهُمْ أَتْمًا أَوْ كُفُورًا yang bermaksud : "... dan janganlah engkau

menurut kehendak orang yang berdosa di antara mereka, atau pun orang yang kufur angkara", yakni dengan makna وَكُفُورًا .

Selain itu, mereka juga berhujah dengan bait puisi al-Nabighat al-Dhubyanīy (pemuisi Jahiliyy) :-

قَالَتْ أَلَا لَيَتَمَا هَذَا الْحَنَامُ لَنَا * إِلَى حَمَامِنَا أَوْ نِصْفَهُ فَقَدِ

yang bermaksud : "Gadis itu berkata : "Tidakkah kebolehan terbang yang ada pada burung merpati ini boleh dimiliki oleh kami secara sempuma atau pun sudah mencukupi secara sebahagian sahaja".

Dalam bait puisi ini, partikel "Aw" menurut Aliran Nahu Kufah bermakna partikel "Waw". Menurut Aliran Nahu Kufah, dalil-dalil daripada firman Allah Ta`ala dan ucapan orang-orang Arab yang berkaitan dengan masalah ini tidak terhingga banyaknya.

Manakala, Aliran Nahu Basrah pula berhujah bahawa makna asal yang dibawa oleh "aw" ialah makna kesamaran yang berlaku pada salah satu daripada dua perkara. Keadaan ini berbeza dengan makna yang dibawa oleh partikel "Wāw" dan "bal" kerana "Wāw" bermakna menghimpunkan antara dua perkara.

Manakala, "bal" pula bermakna "idrāb" (yakni penilaian semula hukum sama ada untuk membatalkan hukum sebelumnya atau pun untuk membawa hukum yang baru). Kedua-dua makna yang dibawa oleh "Wāw" dan "bal" ini berbeza dengan makna yang dibawa oleh "aw".

Menurut Aliran Nahu Basrah lagi, kaedah asal bagi setiap harf ialah membawa makna yang asal baginya sahaja. Oleh itu, setiap harf tidak boleh membawa makna yang dibawa oleh harf yang lain. Dalam hal ini, Aliran Nahu Basrah berpegang kepada kaedah yang asal dan mereka yang berpegang kepada kaedah asal tidak perlu mengemukakan bukti. Manakala, mereka yang lari daripada kaedah asal pula perlu mengemukakan bukti, sedangkan mereka tidak mempunyai sebarang dalil yang kuat untuk mengesahkan dakwaan mereka tersebut.

Menurut Aliran Nahu Basrah, firman Allah Ta'ala dalam surah al-Insān ayat yang ke-24 :- وَلَا تُطْعِنْهُمْ أَنْتَ أَوْ كَفُورًا - tidak boleh menjadi hujah bagi Aliran Nahu Kufah kerana partikel "aw" dalam ayat berkenaan bermakna pengharusan, yakni dengan makna : "Aku telah menghanuskan kepada kamu

setiap satu daripada keduanya untuk kamu melakukan apa yang kamu inginkan".

Hal ini samalah seperti contoh ayat perintah berikut :-

حَالِسُ الْحَسَنِ أَوْ إِبْنَ سِيرِينَ yang bermaksud : "Aku mengharuskan kepada kamu duduk dengan salah seorang daripada keduanya (yakni Hasan atau Ibn Sirin) sebagaimana yang kamu suka".

Begitu juga, firmanNya dalam surah al-Saffat ayat yang ke-147 :-

وَأَرْسَلْنَا إِلَيْ مِائَةِ الْفِيْ أَوْ بَيْنِ دُونَ tidak boleh dijadikan hujah oleh Aliran Nahu

Kufah berdasarkan dua sebab seperti berikut, iaitu :-

1) Partikel "aw" tersebut bermaksud pilihan, yakni kaum Nabi Yunus tersebut apabila dilihat oleh pemerhati, maka pemerhati tadi akan memilih untuk menentukan bilangan mereka, iaitu sama ada berjumlah seratus ribu orang atau pun lebih.

2) Partikel "aw" tersebut bermaksud syak (ragu-ragu), yakni dengan maksud pemerhati tadi ragu-ragu terhadap jumlah sebenar kaum Nabi Yunus disebabkan oleh bilangan mereka yang banyak. Dalam hal ini, keadaan syak tersebut berlaku kepada pemerhati dan bukannya kepada Allah Ta'ala (al-Anbariy, 1961 : 2 / 478 - 483).

Persetujuan al-Zamakhsyari terhadap Aliran Nahu Basrah dalam masalah ini dapat dilihat semasa beliau mentafsir firman Allah Ta'ala dalam

فَاصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ وَلَا تُطِعْ مِنْهُمْ أَثْمًا أَوْ كُفُورًا -

surah al-Insan ayat yang ke-24, iaitu : "Oleh itu, hendaklah engkau bersabar menerima hukum Tuhanmu (iaitu memberi tempoh kepada golongan yang menentangmu), dan janganlah engkau menurut kehendak orang yang berdosa di antara mereka, atau pun orang yang kufur angkara".

Sehubungan ayat ini, al-Zamakhsyariy (T. T. : 4 / 171) menjelaskan bahawa sekiranya disebut لَا تُطِعْهُمَا (yang bermaksud : "jangan kamu patuh kepada kedua-duanya (sekali)"), maka patuh kepada salah satu daripada keduanya adalah harus. Tetapi, apabila disebut وَلَا تُطِعْ أَحَدَهُمَا (yang bermaksud : "jangan kamu patuh kepada salah satu daripada keduanya"), maka diketahui bahawa tegahan terhadap setiap satu daripada dua perkara itu lebih kuat daripada tegahan terhadap dua perkara secara serentak.

Hal ini samalah dengan larangan mengatakan kepada kedua-dua ibu bapa dengan perkataan "uf" (اف - dan yang seumpamanya). Larangan ini menggambarkan bahawa larangan memukul kedua-dua ibu bapa adalah lebih kuat (berbanding mengeluarkan perkataan tersebut) berdasarkan kaedah keutamaan.

Yang dimaksudkan dengan frasa ayat :- لَا تُطِعْهُمَا oleh al-Zamakhsyariy ialah sekiranya partikel "aw" dalam ayat al-Quran di atas digantikan dengan

partikel "Waw", maka penggunaan frasa ayat seperti ini dianggap kurang tepat untuk menggambarkan larangan ke atas kedua-duanya sekaligus. Manakala, frasa ayat :- ﴿وَلَا تُطِعْ أَخْدَهُمَا﴾ pula membawa maksud yang dikehendaki oleh partikel "aw".

Keterangan al-Zamakhsyariy ini sama dengan pendapat Aliran Nahu Basrah seperti yang dinyatakan oleh al-Anbariy sebelum ini. Hal ini kerana keterangan al-Zamakhsyariy ini menggambarkan bahawa partikel "aw" dalam ayat al-Quran tersebut bermakna pengharusan, yakni larangan tersebut sama-sama diharuskan ke atas kedua-dua perkara tersebut tanpa pengecualian.

Sehubungan ayat yang ke-147 daripada surah al-Saffat yang tersebut di atas al-Zamakhsyariy (T. T. : 3 / 311) berpendapat yang bermaksud :-

"*Firman Allah Ta'ala أَزْكَنْدُونْ أَزْكَنْدُونْ adalah dari sudut pandangan pemerhati, yakni apabila ia melihat kaum Nabi Yunus, maka ia akan berkata : "Jumlahnya ialah seratus ribu orang atau lebih". Maksud di sebalik firman Allah ini ialah untuk menggambarkan jumlah yang banyak".*

Kenyataan al-Zamakhsyariy ini sama dengan pendapat Aliran Nahu Basrah yang menolak hujah daripada Aliran Nahu Kufah seperti yang dinyatakan sebelum ini. Hal ini kerana al-Zamakhsyariy berpendapat partikel "aw" dalam firman Allah tersebut bermakna syak.

Walau bagaimanapun, pendapat Aliran Nahu Kufah yang mengatakan bahawa partikel "aw" juga boleh membawa makna yang sama dengan makna partikel "Waw" dan "bal" telah mendapat sokongan daripada ulama-ulama nahu, khususnya ulama-ulama nahu yang terkemudian.

Menurut al-Asymuniy yang bermaksud : "Perkara yang sebenar ialah bahawa partikel "aw" sebagaimana yang dikatakan oleh ulama-ulama nahu yang terdahulu membawa makna bagi salah satu daripada dua perkara atau bagi beberapa perkara. Namun begitu, kadang-kadang partikel tersebut juga membawa makna bagi partikel "bal" dan "Waw" (al-Sabbān, T. T. : 3 / 108).

5.1.9 Mendahulukan Khabar "Laysa" Ke Atas "Laysa"

Persetujuan al-Zamakhsyariy terhadap Aliran Nahu Basrah dalam masalah ini dapat dilihat semasa beliau mentafsir firman Allah Ta'ala dalam surah Hud ayat yang ke-8, iaitu :- وَلَئِنْ أَخْرَجْنَا عَنْهُمُ الْعَذَابَ إِلَى أُمَّةٍ مَغْدُودَةٍ لَيَقُولُنَّ مَا

يَحْسَنُ إِلَّا يَوْمَ يَأْتِيهِمْ لَئِنْ مَصْرُوقًا عَنْهُمْ وَحَاقَ بِهِمْ مَا كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِئُونَ yang bermaksud : "Dan demi sesungguhnya ! Jika kami tangguhkan azab daripada menimpa mereka hingga ke suatu masa yang tertentu, tentulah mereka akan berkata (secara mengejek) : "Apakah yang menghalangnya ?". Ketahuilah ! Pada hari datangnya azab itu kepada mereka, tidak akan dapat ditolak daripada menimpa mereka, dan tentulah mereka akan diliputi oleh azab yang mereka telah ejek-ejek itu".

Menurut al-Zamakhsyariy (T. T : 2 / 209) yang bermaksud :- "Firman Allah Ta'ala يَوْمَ يَأْتِيهِمْ bersifat akusatif sebagai khabar (predikat) "laysa" (لَيْسَ)

berdasarkan pendapat ulama yang mengharuskan mendahulukan khabar "laysa" ke atas "laysa". Hal ini kerana apabila harus mendahulukan ma'mul khabar "laysa" ke atas "laysa", maka ia membuktikan harus mendahulukan khabar "laysa" ke atas "laysa". Ini kerana ma'mul mengikut kedudukan 'amil'.

Pada pandangan al-Zamakhsyariy, perkataan يَوْمَ dalam ayat al-Quran tersebut adalah ma'mul kepada perkataan مَصْرُوفًا yang diirāb sebagai khabar "laysa". Jika ma'mul kepada khabar "laysa" boleh mendahului "laysa", maka khabar "laysa" (yakni 'amil kepada ma'mul tersebut) juga harus mendahului "laysa". Pandangan yang dikemukakan oleh al-Zamakhsyariy ini sama dengan pandangan yang dipegang oleh Aliran Nahu Basrah.

Menurut al-Anbārī (1961 : 1 / 160) yang bermaksud : "Ulama-ulama Aliran Nahu Kufah berpendapat tidak harus mendahulukan khabar "laysa" ke atas "laysa". Pendapat ini turut dikongsi bersama oleh Abū al-'Abbās al-Mubarrad daripada Aliran Nahu Basrah Manakala, ulama-ulama Aliran Nahu Basrah pula berpendapat harus mendahulukan khabar "laysa" ke atas "laysa" sebagaimana harus mendahulukan khabar "kāna" (كَانَ) ke atas "kāna".

Antara hujah yang dikemukakan oleh Aliran Nahu Kufah ialah kerana "laysa" adalah kata kerja yang tidak mutasarrif. Oleh itu, kata kerja berkenaan tidak boleh berfungsi sebagaimana kata kerja yang mutasarrif. Justeru itu, mendahulukan khabar "laysa" ke atas "laysa" itu tidak harus sebagaimana yang diharuskan kepada kata kerja yang mutasarrif, kerana fungsi kata kerja hanya bersifat mutasarrif sekiranya kata kerja itu sendiri bersifat mutasarrif.

Manakala, Aliran Nahu Basrah pula berhujah dengan firman Allah Ta'ala dalam surah Hud ayat yang ke-8, iaitu :-

Menurut aliran ini, firmanNya :- يَوْمَ يَأْتِيهِمْ لَيْسَ مَصْرُوفًا عَنْهُمْ .
Menurut aliran ini, firmanNya :- يَوْمَ يَأْتِيهِمْ لَيْسَ مَصْرُوفًا عَنْهُمْ adalah muta'alliq kepada perkataan مَصْرُوفًا sedangkan kedudukannya telah mendahului "laysa". Keadaan ini membuktikan bahawa khabar "laysa" harus mendahului "laysa". Ini kerana sekiranya perkara tersebut tidak harus, maka kenapakah ma'mul kepada khabar "laysa" harus mendahului "laysa", sedangkan ma'mul hanya akan berfungsi ketika berfungsinya amil.

Menurut al-Anbariy, pendapat yang sahih ialah pendapat yang dipersetujui oleh Aliran Nahu Kufah yang mengatakan tidak harus mendahului khabar "laysa" ke atas "laysa" dan berpendapat bahawa firman Allah Ta'ala dalam surah Hud ayat yang ke-8 tersebut tidak boleh dijadikan hujah oleh Aliran Nahu Basrah.

Hal ini kerana Aliran Nahu Kufah tidak menganggap perkataan يَوْمَ dalam ayat berkenaan menjadi muta`alliq kepada perkataan مُصْرِفًا. Begitu juga, mereka tidak menganggap perkataan tersebut bersifat akusatif, malah perkataan tersebut bersifat nominatif atas sifatnya sebagai subjek. Bagaimanapun, perkataan tersebut dibaca secara fath (baris di atas) kerana keadaannya yang diidafatkan (disandarkan) kepada kata kerja يَأْتِيهِمْ.

Keadaan ini samalah dengan qira'at mutawātirat daripada Nafi` dan al-A`raj yang membaca perkataan يَوْمَ dalam surah al-Ma'idah ayat yang ke-119

قالَ اللَّهُ هذَا يَوْمٌ يَنْفَعُ الصَّادِقِينَ صِدْقُهُمْ :- (yang bermaksud : "Allah berfirman : "Inilah hari (kiamat) yang (padanya) orang-orang yang benar (pada tutur kata dan amal perbuatan) mendapat manfaat dari kebenaran mereka ...") secara fath, kerana perkataan tersebut telah diidafatkan kepada kata kerja يَنْفَعُ (al-Anbārīy, 1961 : 1 / 160 - 163).

Pendapat Aliran Nahu Basrah yang disokong oleh al-Zamakhsyari itu telah mendapat tentangan daripada ulama-ulama nahu termasuklah Ibn Malik yang telah menyebut :-

* وَمَنْعُ سَبْقِ خَبْرٍ لَّيْسَ اصْنَاطُفِي *

yang bermaksud : "Menegah mendahulukan Khabar "laysa" (ke atas "laysa") adalah pendapat yang dipilih") (Ibn 'Aqil, 1988 : 1 / 257).

5.1.10 Al-'Atf Ke Atas Kedudukan "Inna" Secara Raf' Sebelum Datangnya Khabar

Berkaitan dengan masalah ini, al-Anbarīy (1961 : 1 / 185) menjelaskan bahawa ulama-ulama Aliran Nahu Kufah berpendapat harus melakukan 'atf ke atas kedudukan partikel "Inna" (إِنْ) - yakni secara raf' - sebelum datangnya Khabar "Inna". Bagaimanapun, mereka kemudiannya berselisih pendapat tentang perkara tersebut.

Dalam hal ini, Abū al-Hasan 'Alī bin Ḥamzat al-Kisā'iy berpendapat bahawa perkara tersebut diharuskan pada setiap keadaan, iaitu sama ada fungsi "Inna" dapat dilihat secara jelas atau pun tidak seperti contoh berikut :-

إِنْ زَيْدًا وَعَمِرًا وَقَائِمًا (yang bermaksud : "Sesungguhnya Zaid dan 'Amr masing-masing berdiri") dan : - إِنَّكَ وَبَكْرٌ مُنْطَلِقَانِ (yang bermaksud : "Sesungguhnya kamu dan Bakr masing-masing bertolak pergi").

Manakala, Abu Zakariyyā' Yahyā bin Ziyad al-Farrā' (daripada Aliran Nahu Kufah) pula berpendapat bahawa perkara tersebut tidak harus kecuali dalam keadaan fungsi "Inna" itu tidak jelas (yakni tanda nominatif pada Kata Nama "Inna" tidak jelas seperti contoh : إِنْ وَكُلُّ مُنْتَهِيَّا).

Antara hujah Aliran Nahu Kufah ialah firman Allah Ta`ala dalam surah al-Mā'idah ayat yang ke-69 :-

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا وَالصَّابِرُونَ وَالنُّصَارَىٰ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ yang bermaksud

: "Sesungguhnya orang-orang yang beriman, dan orang-orang Yahudi, dan orang-orang Šabi'in, dan orang-orang Našarā, sesiapa sahaja di antara mereka yang beriman kepada Allah (dan segala rasulNya meliputi Nabi Muhammad s.a.w.), dan (beriman kepada) hari akhirat ...". Menurut Aliran Nahu Kufah, perkataan الصَّابِرُونَ dalam ayat al-Quran di atas, ma'tūf ke atas kedudukan "Inna"

sebelum datangnya Khabar "Inna", iaitu firmanNya :- منْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ .

Dalam pada itu, ulama-ulama Aliran Nahu Basrah pula berpendapat bahawa 'atf ke atas kedudukan "Inna" sebelum Khabarnya tidak harus dalam semua keadaan. Mereka berhujah bahawa sekiranya kamu menyebut :-

إِنَّكَ وَزَيْدَ قَائِمَانِ (yang bermaksud : "Sesungguhnya kamu dan Zaid berdiri"),

maka perkataan زَيْدٌ sudah pasti bersifat nominatif melalui fenomena ibtida' (permulaan) dan dalam masa yang sama ia (fenomena ibtida') menjadi 'amil

kepada Khabar زید . Manakala, partikel "Inna" pula menjadi 'amil kepada Khabar bagi gantinama "Kaf" (gantinama diri kedua yang merujuk kepada kamu lelaki).

Dalam hal ini, kedua-dua 'amil tersebut akan berhimpun dalam satu perkataan. Oleh itu, sekiranya kita berkata harus melakukan 'atf sebelum sempurnanya Khabar, maka keadaan tersebut membawa kepada wujudnya dua 'amil (iaitu partikel "Inna" yang menjadi 'amil kepada Khabar gantinama "Kaf" dan fenomena ibtida' yang menjadi 'amil kepada Khabar زید) yang berfungsi ke atas satu kata nama (iaitu perkataan قائمان), sedangkan perkara tersebut adalah mustahil (al-Anbāriy, 1961 : 1 / 186 - 187).

Sokongan al-Zamakhsyariy terhadap Aliran Nahu Basrah dalam masalah ini dapat dilihat semasa beliau mentafsir firman Allah Ta'ala dalam surah al-Mā'idat ayat yang ke-69, iaitu : -

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَاللَّذِينَ هَادُوا وَالصَّابِرُونَ

bermaksud : "Sesungguhnya orang-orang yang beriman, dan orang-orang Yahudi, dan orang-orang Sābi'in, dan orang-orang Naṣārā, sesiapa sahaja di antara mereka yang beriman kepada Allah (dan segala rasulNya meliputi Nabi Muhammad s.a.w.) dan (beriman kepada) hari akhirat serta beramal saleh, maka tidaklah ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita".

Sehubungan ayat ini, al-Zamakhsyari (T. T. : 1 / 353) menjelaskan bahawa perkataan الصَّابِرُونَ dibaca secara nominatif sebagai mubtada' dalam keadaan khabarnya digugurkan daripada ayat dan diandaikan selepas Ism "Inna" dan Khabar "Inna". Oleh itu, ayat al-Quran ini seolah-olah disebut seperti berikut, iaitu :- إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَاللَّذِينَ هَادُوا وَالنَّصَارَى حُكْمُهُمْ كَذَا وَالصَّابِرُونَ

كذلك yang bermaksud : "Sesungguhnya orang-orang yang beriman, orang-orang Yahudi dan orang-orang Nasara, mereka tidak akan merasa bimbang dan tidak akan berdukacita dan keadaan yang sama juga berlaku kepada orang-orang Sabi'in".

Menurut al-Zamakhsyari, perkataan الصَّابِرُونَ tidak boleh bersifat nominatif berdasarkan 'atf ke atas kedudukan "Inna" dan Ism "Inna", kerana perkara tersebut tidak harus dilakukan sebelum datangnya Khabar "Inna". Dalam hal ini, kita tidak boleh menyebut :- إنَّ زَيْدًا وَعَمْرًا مُنْتَلِقَانِ (yang bermaksud : "Sesungguhnya Zaid dan 'Amr bertolak pergi") kerana perkataan عمر (yang dibaca secara nominatif) itu berdasarkan 'atf ke atas kedudukan "Inna" dan Ism "Inna", sedangkan 'amil kepada kedudukan bagi kedua-dua perkataan tersebut ialah fenomena ibtida'.

Oleh itu, fenomena tersebut juga sudah pasti menjadi ‘amil kepada khabar (yakni perkataan مُنْظَلِقَانِ). Justeru itu, perkara tersebut tidak harus kerana keadaan tersebut akan membawa kepada wujudnya dua ‘amil, iaitu partikel “Inna” dan fenomena ibtida’, yang berfungsi ke atas satu perkataan, iaitu perkataan مُنْظَلِقَانِ yang menjadi khabar bagi partikel “Inna” dan juga khabar bagi perkataan عمرٌ .

Walau bagaimanapun, sekiranya kita menominatikan perkataan الصَّابِئُونَ - yang diandaikan di akhir ayat - atas sifatnya sebagai mutbada’ dan pada masa yang sama kita menominatikan khabar (yakni Khabar “Inna”) dengan “Inna”, maka ia akan menjadikan kedua-dua khabar tersebut (yakni Khabar “Inna” dan khabar bagi perkataan الصَّابِئُونَ) masing-masing mempunyai ‘amil yang berbeza (yakni “Inna” yang menjadi ‘amil kepada Khabar “Inna” dan fenomena ibtida’ yang menjadi ‘amil kepada khabar الصَّابِئُونَ).

Dalam keterangan di atas, jelas sekali al-Zamakhsyari berpendapat bahawa ayat إن زَيْدًا وَعَمْرًا مُنْظَلِقَانِ itu salah penggunaannya kerana perkataan عمرٌ dalam ayat tersebut tidak boleh di‘rab sebagai mutbada’. Ini

kerana perkataan مُنْطَلِقَانْ tidak boleh menjadi khabar kepada perkataan زَيْدًا زَيْدًا sahaja kerana kita tidak boleh menyebut :- إِنْ زَيْدًا مُنْطَلِقَانْ .

Menurut al-Mukhtar Ahmad Dayrat (1991 : 415) yang bermaksud : "Bolehlah dikatakan bahawa pendapat Aliran Nahu Kufah ini dianggap sahih disebabkan bentuk ujaran seperti ini terdapat dalam al-Quran (walaupun terdapat takwilan terhadap gejala nominatif tersebut), bait-bait puisi dan juga prosa. Sekiranya Aliran Nahu Basrah tidak menyokong satu contoh yang didengar daripada orang-orang Arab, maka di sana terdapat banyak lagi contoh yang mengukuhkan pendapat Aliran Nahu Kufah tersebut".

5.1.11 Kedudukan Fi'l Mudari` Selepas "Lām" al-Ta'līl

Seluruh ulama nahu bersepakat mengatakan bahawa fi'l mudari` yang terletak selepas "Lām" al-Ta'līl (huruf "Lām" yang menerangkan sebab - "Lām" Keterangan Sebab) yang juga disebut sebagai "Lām" Kay wajib dibaca secara akusatif. Bagaimanapun, mereka berselisih pendapat tentang al-nāsib (agen akusatif) yang menyebabkan gejala akusatif tersebut.

Menurut al-Anbāriy (1961 : 2 / 575) yang bermaksud : "Ulama-ulama Aliran Nahu Kufah berpendapat bahawa "Lām" Kay (yakni "Lām" al-Ta'līl) menjadi al-nāsib kepada al-fi'l tanpa perlu diandaikan partikel An seperti contoh :-

جِئْتُكَ لِأَنْ تُنْهِيَّ (yang bermaksud : "Aku datang kepada kamu supaya kamu menghormati aku"). Manakala, ulama-ulama Aliran Nahu Basrah pula berpendapat bahawa al-nasib kepada al-fi'l ialah partikel An yang diandaikan wujud selepas "Lām" al-Ta'līl tersebut. Oleh itu, ayat tersebut diandaikan seperti berikut :- .

Menurut Aliran Nahu Kufah, sebab "Lām" al-Ta'līl menjadi al-nasib kerana partikel tersebut mengambil tempat partikel Kay (yang bermaksud "supaya"). Justeru itu, partikel tersebut mengandungi makna yang dibawa oleh Kay. Dalam hal ini, sebagaimana Kay berfungsi mengakusatifkan al-fi'l (yakni fi'l mudāri'), begitu juga perkataan yang mengantikan tempatnya (yakni "Lām" al-Ta'līl).

Sementara itu, Aliran Nahu Basrah pula berhujah bahawa sebab al-nasib kepada al-fi'l tersebut ialah partikel An yang diandaikan dan bukannya "Lām" al-Ta'līl ialah kerana partikel "Lām" merupakan antara kategori kata yang merujuk kepada kata nama (yakni perkataan yang wujud selepas "Lām" mesti terdiri daripada kata nama). Oleh itu, perkataan yang merujuk kepada kata nama tidak boleh menjadi perkataan yang merujuk kepada kata kerja. Justeru itu, kata kerja itu mesti besifat akusatif melalui partikel An yang diandaikan selepas "Lām" al-Ta'līl tersebut (al-Anbārīy, 1961 : 2 / 575 - 576).

Sokongan al-Zamakhsyārī terhadap Aliran Nahu Basrah dalam masalah ini boleh dilihat semasa beliau mentafsir firman Allah Ta'ala dalam surah al-An'am ayat yang ke-71 dan 72, iaitu :-

... وَأَمْرَتَا لِنُسْلِمٍ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَإِنْ أَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَإِنْ قُوَّةٌ وَهُوَ الَّذِي إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ... yang

bermaksud : “.... *Dan kita diperintahkan supaya berserah diri kepada Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. Dan (diperintahkan) hendaklah kamu mengerjakan sembahyang dan bertaqwah kepadaNya, dan Dialah Tuhan yang kepadaNya kamu akan dihimpunkan (pada hari akhirat kelak)*”.

Sebagai menjelaskan ayat ini, al-Zamakhsyari (1995 : 2 / 35 - 36) menerangkan bahawa huruf “Lām” pada firman Allah Ta’ala :- لِنُسْلِمٍ ber maksud alasan kepada suatu perintah. Oleh itu, firman Allah Ta’ala di atas adalah bermaksud : “*Kita diperintahkan dan dikatakan kepada kita : “Hendaklah kamu memeluk agama Islam”*”. Hal ini bertujuan supaya kita berserah diri (kepada Allah).....

Manakala, firmanNya :- وَإِنْ أَقِيمُوا pula diatafskan ke atas kedudukan firman Allah لِنُسْلِمٍ . Dalam hal ini, firman Allah Ta’ala ini seolah-olah disebut seperti berikut, iaitu :- وَأَمْرَتَا أَنْ لِنُسْلِمٍ وَإِنْ أَقِيمُوا (yang bermaksud : “Kita diperintahkan menganut agama Islam dan mendirikan (sembahyang)” .

Selain itu, ayat tersebut juga harus diandaikan seperti berikut, iaitu :- وَأَمْرَتَا لِأَنْ لِنُسْلِمٍ وَلَإِنْ أَقِيمُوا (yang bermaksud : “Kita diperintahkan agar menganut agama Islam dan agar mendirikan sembahyang”).

Dalam kenyataan di atas, jelas sekali al-Zamakhsyariy menganggap bahawa firman Allah Ta`ala لِسْتُ مِنْ bersifat akusatif melalui An al-Mudmarat, yakni partikel An yang terletak secara tersembunyi selepas "Lām" al-Ta'lil tersebut. Oleh itu, al-Zamakhsyariy mengandaikan ayat tersebut seperti berikut, iaitu:- وَأَمْرَتُ لَأَنْ لَيْسَ مِنْ.

Hal ini kerana sekiranya al-Zamakhsyariy menganggap gejala akusatif tersebut disebabkan oleh "Lām" al-Ta'lil ("Lām" Kay), maka andaianya adalah seperti berikut, iaitu :- وَأَمْرَتُ لَكَ لَيْسَ مِنْ. Ini kerana Aliran Nahu Kufah berpendapat "Lām" al-Ta'lil membawa makna yang sama dengan makna Kay.

Keadaan ini boleh dilihat sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn al-Anbāriy Abū Bakr Muhammad bin al-Qāsim (wafat 328 H. Salah seorang ulama Aliran Nahu Kufah daripada generasi yang terakhir) dalam kitab beliau "Syarḥ al-Qasā'id al-Sab' al-Tuwāl al-Jāhiliyyat", semasa beliau menerangkan maksud bait puisi Umru'ul Qays yang berikut :-

وَلَيْلٌ كَمْوَجٌ الْبَحْرِ أَرْخَى سُدُّهُ * عَلَى بَانَوَاعِ الْهُمُومِ لِيَتَلَقَّ

yang bermaksud : "Dan suatu malam yang bagaikan ombak laut yang telah melabuhkan tabir-tabirnya ke atasku dengan berbagai-bagai musibah kerana mahu menguji diriku".

Menurut Ibn al-Anbariy (1963 : 75) yang bermaksud : "Perkataan يَتَلِي bersifat akusatif melalui "Lām" Kay. Oleh itu, andaian ayat tersebut ialah :- لَكَ يَتَلِي .

Manakala, ulama-ulama Aliran Nahu Basrah pula menganggap perkataan tersebut bersifat akusatif melalui pengguguran partikel An. Oleh itu, andaian ayat tersebut di sisi mereka ialah :- لَانْ يَتَلِي .

Dalam pada itu, pengguguran partikel An selepas "Lām" al-Ta'līl bukanlah sesuatu yang wajib, malah partikel An harus wujud secara zahir selepas "Lām" al-Ta'līl seperti firman Allah Ta'ala dalam surah al-Zumar ayat yang ke-12, iaitu وَأَمِرْتُ لَانْ أَكُونَ أَوَّلَ الْمُسْلِمِينَ - yang bermaksud : "Dan aku diperintahkan supaya menjadi orang yang awal pertama berserah diri bulat-bulat (kepada Allah)".

Malah partikel An juga mesti wujud secara zahir selepas "Lām" al-Ta'līl sekiranya terdapat partikel "Lā" selepas "Lām" al-Ta'līl tersebut seperti firman Allah Ta'ala dalam surah al-Nisā' ayat yang ke-165, iaitu :-

رَسُّالًا مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ لَعَلَّ يَكُونُ لِلنَّاسِ عَلَى اللَّهِ حُجَّةً بَعْدَ الرُّسُلِ وَكَانَ اللَّهُ عَزِيزًا حَكِيمًا yang bermaksud : "Rasul-rasul (yang telah kami utuskan itu semuanya) pembawa khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pembawa amaran (kepada orang-orang yang kafir dan yang mengerjakan maksiat), supaya tidak ada bagi manusia sesuatu hujah (atau sebarang alasan untuk berdalih pada hari kiamat).

kelak) terhadap Allah sesudah mengutuskan rasul-rasul itu. Dan (ingatlah) Allah maha kuasa, lagi maha bijaksana".

5.1.12 “In” al-Mukhaffafat Berfungsi Mengakusatifkan Kata Nama

Seluruh ulama nahu bersepakat mengatakan bahawa partikel “Inna” berfungsi mengakusatifkan kata nama yang selepasnya seperti contoh berikut :- *إِنْ زَيْدًا ذَكِيرٌ* (yang bermaksud : “Sesungguhnya Zaid cerdik”). Bagaimanapun, mereka berselisih pendapat apabila partikel tersebut diringankan sebutannya kepada “In” yang disebut sebagai “In” al-Mukhaffafat.

Menurut al-Anbāriy (1961 : 1 / 195) yang bermaksud : “*Ulama-ulama Aliran Nahu Kufah berpendapat bahawa “In” al-Mukhaffafat (yakni partikel “Inna” yang telah diringankan sebutannya menjadi “In”) tidak boleh mengakusatifkan kata nama, manakala ulama-ulama Aliran Nahu Basrah pula berpendapat sebaliknya*”.

Antara hujah Aliran Nahu Kufah ialah bahawa partikel “Inna” berfungsi ke atas kata nama kerana keadaannya yang menyerupai *fi'l madī* dari sudut lafaz. Ini kerana “Inna” terdiri daripada tiga huruf seperti juga *fi'l madī*. Begitu juga, “Inna” bersifat mabniy (yakni suatu perkataan yang baris huruf akhirnya tidak mengalami perubahan) yang dibaca dengan *fathat* (baris di atas) sama juga seperti *fi'l madī*. Oleh itu, apabila partikel tersebut diringankan sebutan-

nya, maka penyerupaan yang tersebut akan hilang dan fungsinya juga terbatal.

Antara hujah Aliran Nahu Basrah pula ialah firman Allah Ta'ala dalam surah Hud ayat yang ke-111 :- وَإِنْ كُلًا لَّمَا لَيْقَنُهُمْ رُبُكْ أَعْمَالَهُمْ (yang bermak-

sud : "Dan sesungguhnya tiap-tiap seorang akan disempurnakan oleh Tuhanmu balasan amal mereka ..."). Ayat ini dibaca demikian berdasarkan qira'at mutawātirat daripada Nafi' dan Ibn Kathir.

Menurut mereka, perkataan كُلًا dalam ayat di atas tidak boleh dianggap bersifat akusatif melalui kata kerja لَيْقَنُهُمْ. Ini kerana "Lām" al-Qasam (huruf "Lām" yang merujuk kepada sumpah) yang terdapat pada kata kerja berkenaan menghalang kata kerja tersebut berfungsi ke atas perkataan yang terletak sebelumnya.

Selain itu, antara hujah Aliran Nahu Basrah juga ialah sebuah bait puisi (daripada pemuisi majhul) :-

وَصَدْرٌ مُشْرِقِ النَّحْرِ * كَانْ ثَدِينَةَ حُفَانِ

yang bermaksud : "Sahabatnya itu mempunyai dada (serta leher) yang bersinar-sinar, manakala kedua-dua payu daranya pula seolah-olah seperti hukah [dari sudut kepadatan dan penonjolan]" (al-Anbārī, 1961 : 1 / 195 - 197).

Dalam ayat al-Quran dan bait puisi di atas, Aliran Nahu Basrah menganggap perkataan **كُلُّ** dan **ئَنْدِيْنَهُ** masing-masing bersifat akusatif melalui partikel "In" al-Mukhaffafat yang berfungsi seperti fungsi "Inna". Oleh itu, partikel "Inna" tetap berfungsi ke atas kata nama walaupun sebutannya telah diringankan menjadi "In".

Sokongan al-Zamakhsyariy terhadap Aliran Nahu Basrah dalam masalah ini boleh dilihat semasa beliau mentafsir firman Allah Ta`ala dalam surah Hud ayat yang ke-111, iaitu :-

وَإِنْ كُلُّ لَّهَا لَيُوقِنُهُمْ رِبُّكَ أَعْنَالَهُمْ إِنَّهُ بِمَا يَعْمَلُونَ خَبِيرٌ yang bermaksud "Dan sesungguhnya tiap-tiap seorang akan disempumakan oleh Tuhanmu balasan amal mereka, sesungguhnya Allah amat mendalam pengelahanNya tentang apa yang mereka kerjakan".

Menurut al-Zamakhsyariy (1995 : 2 / 416) yang bermaksud :- "Partikel "Inna" (إن) dalam ayat tersebut, boleh diringankan bacaannya menjadi "In" al-Mukhaffafat (إن) dan berfungsi mengakusatifkan perkataan **كُلُّ** berdasarkan bahawa partikel "In" al-Mukhaffafat berasal daripada partikel "Inna" yang bersabdu di atas".

Dalam kenyataan di atas, al-Zamakhsyariy jelas sekali menganggap perkataan **كُلُّ** bersifat akusatif melalui partikel "In" al-Mukhaffafat dan bukan

nya melalui kata kerja **لَيْقَنُهُمْ** sebagaimana pendapat Aliran Nahu Kufah.

Pendapat Aliran Nahu Kufah dalam masalah ini boleh dilihat dalam kitab "Ma'ani al-Qur'an" oleh al-Farra'.

Menurut al-Farra' (T. T. : 2 / 29) yang bermaksud : "Sementara itu, mereka yang membaca partikel "Inna" secara ringan (yakni membaca dengan sebutan "In") akan mengakusatifkan perkataan **كَلَّا** dengan kata kerja **لَيْقَنُهُمْ** .

Mereka berkata : "Kami seolah-olah menyebut ayat al-Quran tersebut sebagai :-

وَإِنْ لَيْقَنُهُمْ كَلَّا". Bagaimanapun, aku (yakni al-Farra') kurang bersetuju dengan pendapat ini".

Walaupun al-Farra' kurang bersetuju dengan bentuk **i'rāb** yang seperti ini, tetapi anehnya beliau tidak pula menyatakan bentuk **i'rāb** alternatif bagi perkataan **كَلَّا** tersebut.

Oleh kerana kekuatan hujah di pihak Aliran Nahu Basrah dalam masalah ini, Abu Hayyān (1992 : 6 / 217) akhirnya membuat kesimpulan yang bermaksud : "Pendapat ini adalah pendapat yang sahih disebabkan kewujudannya dalam ujaran orang-orang Arab ... dan juga dalam qira'at mutawātirat, walaupun ulama-ulama Aliran Nahu Kufah mentakwilkan qira'at mutawātirat tersebut".

5.1.13 Fi'l Ma'di Dii'rāb Sebagai Hal

Menurut al-Anbāriy (1961 : 1 / 252) yang bermaksud : "Ulama-ulama Aliran Nahu Kufah berpendapat bahawa *fi'l ma'di* harus *dii'rāb* sebagai *Hal* (Kata Keterangan Keadaan), manakala ulama-ulama Aliran Nahu Basrah (kecuali Abū al-Hasan al-Akhfasy) pula menegahnya. Bagaimanapun, mereka bersepakat bahawa sekiranya *fi'l ma'di* tersebut didahului oleh partikel "qad" (قد) atau kata kerja tersebut menjadi sifat kepada suatu kata nama yang digugurkan daripada ayat, maka *fi'l ma'di* tersebut harus *dii'rāb* sebagai *Hal*.

Antara hujah Aliran Nahu Kufah ialah firman Allah Ta'ala dalam surah al-Nisā' ayat yang ke-90, iaitu :- أَوْ حَاعُورُكُمْ حَصِيرَتْ صُدُورُهُمْ (yang bermaksud : "... atau orang-orang yang datang kepada kamu sedang hati mereka merasa berat ...". Dalam ayat al-Quran ini, kata kerja حَصِيرَتْ *dii'rāb* sebagai *Hal* dan ia diandaikan seperti berikut :- أَوْ حَاعُورُكُمْ حَصِرَةْ صُدُورُهُمْ . Kesahihan andaian ini dibuktikan oleh qira'at syadhat al-Hasan al-Basriy, Ya'qūb al-Hadramiy dan al-Mufaddal yang membaca ayat tersebut seperti andaian berkenaan.

Selain itu, antara hujah Aliran Nahu Kufah juga ialah bait puisi daripada Abū Sakhr al-Hudhalīy (pemuisi Islāmīy) :-

وَإِنِّي لَتَعْرُونِي لِذِكْرِكِ نُفْسَهُ * كَمَا اتَّقْبَضَ الْعَصْبُورَ بِلَلَّهِ الْقَطْرُ

yang bermaksud : "Dan sesungguhnya aku pasti akan menggeletar disebabkan kenanganku terhadapmu, sebagaimana burung akan menggigil dalam keadaan ia dibasahi oleh hujan".

Dalam bait puisi ini, kata kerja بِلَّه berada pada kedudukan Hal bagi frasa ayat sebelumnya, iaitu :- . الْتَّفَضُّعُ الْعَصْفُورُ Oleh itu, bahagian yang kedua daripada bait puisi tersebut bermaksud : "... sebagaimana burung akan menggigil dalam keadaan ia dibasahi oleh hujan".

Dalam pada itu, Aliran Nahu Basrah pula berhujah bahawa fi'l madī tidak harus di'rāb sebagai Hal kerana dua sebab berikut :-

1) Fi'l madī tidak merujuk kepada keadaan (hal). Oleh itu, kata kerja tersebut tidak layak di'rāb sebagai Hal.

2) Perkataan yang layak mengambil tempat Hal ialah perkataan yang boleh dimaksudkan dengan perkataan الآن atau السَّاعَةُ yang ber-

نَظَرْتُ إِلَى عَمْرِو يَكْتُبُ maksud "sekarang") seperti contoh berikut :-

(yang bermaksud : "Aku melihat kepada 'Amr yang sekarang sedang menulis").

Oleh kerana Aliran Nahu Basrah tidak menerima fi'l madī sebagai Hal (kecuali dengan syarat-syarat tertentu), maka andaian mereka terhadap ayat

al-Quran di atas adalah seperti berikut :- . أَوْ جَاءُوكُمْ قَوْمًا حَصِيرَتْ صُدُورُهُمْ .

Dalam andaian ini, Aliran Nahu Basrah telah menjadikan kata kerja **حَصِيرَتْ** sebagai sifat kepada suatu kata nama yang digugurkan daripada ayat, iaitu perkataan **قَوْمًا** (al-Anbāriy, 1961 : 1 / 252 - 254).

Sokongan al-Zamakhsyariy terhadap Aliran Nahu Basrah dalam masalah ini boleh dilihat semasa beliau mentafsir firman Allah Ta'ala dalam surah al-Nisā' ayat yang ke-90, iaitu :- إِلَّا الَّذِينَ يَصِلُونَ إِلَى قَوْمٍ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ مِنْتَاقٌ أَوْ

جَاءُوكُمْ حَصِيرَتْ صُدُورُهُمْ أَنْ يُقَاتِلُوكُمْ أَوْ يُقَاتِلُوْنَا فَوْهُمْ yang bermaksud : "Kecuali orang-orang yang pergi (meminta perlindungan) kepada suatu kaum yang ada ikatan perjanjian setia di antara kamu dengan mereka, atau orang-orang yang datang kepada kamu sedang hati mereka merasa berat hendak memerangi kamu atau memerangi kaum mereka".

Menurut al-Zamakhsyariy (1995 : 1 / 536) yang bermaksud :- "Firman Allah Ta'ala :- **حَصِيرَتْ صُدُورُهُمْ** berada pada kedudukan **Hal** setelah digugurkan partikel "qad" sebelumnya. Bentuk *i'rāb* ini dibuktikan dengan *qira'at syādhat* oleh mereka yang membaca seperti berikut :- **حَصِيرَاتِ صُدُورُهُمْ**, **حَصِيرَةَ صُدُورُهُمْ** atau **حَصِيرَاتِ صُدُورُهُمْ** . Bagaimanapun, al-Mubarrad menjadikan kata kerja tersebut

sebagai sifat kepada suatu kata nama yang digugurkan daripada ayat berdasarkan andaian ayat seperti berikut :-

أَوْ حَاعُوكُمْ قَوْنَا حَصِرَتْ صُدُورُهُمْ

Dalam keterangan di atas, jelas sekali bahawa al-Zamakhsyari^ī bersetuju dengan pendapat Aliran Nahu Basrah yang mengenakan syarat bagi fi'l mādī yang hendak dii'rāb sebagai ḥāl, iaitu disyaratkan sama ada partikel "qad" diandaikan wujud sebelumnya atau pun kata kerja tersebut dijadikan sifat kepada suatu kata nama yang telah digugurkan daripada ayat.

Untuk membuktikan kesahihan fi'l mādī tersebut dii'rāb sebagai ḥāl, al-Zamakhsyari^ī telah mengemukakan tiga bentuk qira'at syādhāt. Dalam ketiganya qira'at syādhāt tersebut, kata kerja حَصِرَتْ dibaca dalam bentuk kata nama yang bersifat akusatif. Hal ini membuktikan bahawa kata nama tersebut menjadi ḥāl kerana ḥāl mesti bersifat akusatif. Oleh itu, fi'l mādī itu juga boleh dii'rāb sebagai ḥāl dengan syarat partikel "qad" diandaikan wujud sebelumnya.

Persetujuan al-Zamakhsyari^ī terhadap Aliran Nahu Basrah dalam masalah ini juga boleh dilihat semasa beliau mentafsir firman Allah Ta'ala dalam surah Āli 'Imrān ayat yang ke-168, iaitu :-

الَّذِينَ قَاتَلُوا لِإخْرَانِهِمْ وَقَعَدُوا لَوْلَوْ

أَطَاعُونَا مَا قُتِلُوا ، قُلْ فَادْرُءُوا عَنْ أَنفُسِكُمُ الْمَوْتَ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ yang bermaksud :

"Merekalah juga yang mengatakan tentang hal saudara-saudaranya (yang telah

terbunuh di medan perang Uhud), sedang mereka sendiri tidak turut berperang : "Kalaukah mereka taatkan kami (turut menarik diri) tentulah mereka tidak terbunuh". Katakanlah (wahai Muhammad) : "Jika demikian, hindarkanlah maut itu dari diri kamu, jika betul kamu orang-orang yang benar".

Menurut al-Zamakhsyari (1995 : 1 / 329) yang bermaksud : "Frasi ayat :- *قَالُوا وَقَدْ قَعَدُوا عَنِ الْقِتَالِ* diandaikan seperti berikut :- yang bermaksud : "Mereka berkata (kepada saudara-saudara mereka), sedangkan mereka sendiri dalam keadaan tidak turut berperang ...".

Dalam ayat al-Quran ini, *fi'l mādī* telah di'rab sebagai Ḥal. Oleh itu, partikel "Wāw" yang terletak sebelumnya adalah "Wāw" al-Ḥal (partikel "Wāw" yang merujuk kepada keadaan). Sehubungan itu, untuk membolehkan kata kerja tersebut di'rab sebagai Ḥal, al-Zamakhsyari telah mengandaikan wujudnya partikel "qad" sebelum kata kerja tersebut sebagai mematuhi syarat yang telah ditetapkan oleh Aliran Nahu Basrah sebelum ini.

Walau bagaimanapun, pendapat al-Zamakhsyari dan Aliran Nahu Basrah yang memerlukan kepada pentakwilan ini telah ditentang oleh sebahagian ulama nahu yang terkemudian. Menurut al-Asymūnī yang bermaksud : "Mazhab Aliran Nahu Basrah - kecuali al-Akhfasy - mengatakan bahawa partikel "qad" mesti wujud bersama *fi'l mādī* yang bersifat positif serta mutlak, iaitu sama ada partikel "qad" tersebut wujud secara zahir atau pun muqaddarat (diandaikan wujud).

Bagaimanapun, pendapat yang terpilih ialah pendapat Aliran Nahu Kufah dan al-Akhfasy, iaitu partikel "qad" hanya wujud bersama fi'l mādī yang disertai oleh partikel "Wāw" sahaja. Manakala, sekiranya kata kerja tersebut hanya disertai oleh gantinama sahaja atau disertai oleh kedua-dua gantinama dan partikel "Wāw", maka partikel "qad" tersebut harus wujud dan harus juga digugurkan daripada ayat" (al-Sabbān, T. T. : 2 / 191).

Yang dimaksudkan dengan lafaz mutlak oleh al-Asymūniy ialah fi'l mādī yang disertai oleh partikel "Wāw" sahaja, atau gantinama sahaja atau pun kedua-duanya sekali. Dalam hal ini, sekiranya kata kerja tersebut hanya disertai oleh partikel "Wāw" sahaja, maka partikel "qad" mesti wujud di dalam ayat berkenaan. Contohnya, seperti berikut :- حَاءُ زَيْدٌ وَقَدْ طَلَعَتِ الشَّمْسُ (yang

bermaksud : "Zaid datang sedangkan matahari telah pun naik").

Manakala, sekiranya fi'l mādī tersebut hanya disertai oleh gantinama sahaja atau disertai oleh kedua-dua gantinama dan partikel "Wāw", maka partikel "qad" harus digugurkan daripada ayat. Contoh fi'l mādī yang disertai oleh gantinama sahaja adalah seperti firman Allah dalam surah al-Nisā' ayat yang ke-90 sebelum ini, iaitu :- أَوْ جَاءُوكُمْ حَصِيرَاتٍ صَدُورُهُنَّ .

Manakala, contoh fi'l mādī yang disertai oleh kedua-dua gantinama dan partikel "Wāw" adalah seperti firman Allah Ta'ala dalam surah Āli 'Imrān ayat yang ke-168 sebelum ini, iaitu :- الَّذِينَ قَالُوا لَا يُخْرِجُوهُمْ وَقَدْ نَدْرَأُوا لَهُ أَطَاعُوهُنَا مَا قُتْلُوا .

Dalam kedua-dua contoh ayat al-Quran di atas, kata kerja حَسْرَتْ dalam contoh yang pertama hanya disertai oleh gantinama sahaja, iaitu gantinama هُمْ yang terdapat pada perkataan صَدُورُهُمْ . Manakala dalam contoh yang kedua, kata kerja وَقَدْرُوا disertai oleh partikel "Wāw" dan gantinama "Wāw" al-Jamā`at (gantinama yang merujuk kepada "ramai lelaki"). Menurut al-Asymūniy, kedua-dua contoh di atas membuktikan kesahihan pendapat Aliran Nahu Kufah.

Melalui perbincangan tentang persetujuan al-Zamakhsyariy terhadap Aliran Nahu Basrah dalam bab ini, pemikiran-pemikiran nahu al-Zamakhsyariy yang berkaitan dengan perkara tersebut boleh diringkaskan seperti berikut :-

Jadual 6

Persetujuan Al-Zamakhsyariy Terhadap Aliran Nahu Basrah

No.	Ayat al-Quran	Pendapat Aliran Nahu Basrah / al-Zamakhsyariy	Pendapat Aliran Nahu Kufah
1)	يَسْأَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامُ Al-Nisā' : 1	Bacaan الأَرْحَامُ secara genetif adalah salah.	Perkataan الْأَرْحَامِ ma'tūf kepada gantinama "Hā" pada بِهِ .
2)	وَصَدُّ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ وَكُفْرٌ بِهِ وَالْمَسْنَدُ Al-Baqarat : 217	الْمَسْنَدُ ma-tūf kepada perkataan سَبِيلِ اللَّهِ .	الْمَسْنَدُ ma-tūf kepada gantinama "Hā" pada بِهِ .

3)	قتلُ أَوْلَادَهُمْ شُرِّكَاهُمْ Al-An'ām : 137	Bacaan قتلُ secara nominatif, أَوْلَادَهُمْ secara akusatif dan شُرِّكَاهُمْ secara genetif adalah salah.	Perkataan قتلُ adalah mudaf kepada perkataan أَوْلَادَهُمْ شُرِّكَاهُمْ yang menjadi mudaf ilayh.
4)	مُخْلِفٌ وَعَدْهُ رُسُلَةٌ Ibrāhīm : 47	Qirāat syādhat yang membaca مُخْلِفٌ وَعَدْهُ رُسُلَةٌ adalah salah.	Perkataan رُسُلَةٌ pada qirāat syādhat adalah mudaf ilayh kepada perkataan مُخْلِفٌ .
5)	كِتَابَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ Al-Nisā' : 24	Perkataan كِتابَ الله dibaca secara akusatif melalui kata kerja yang diandaikan sebelumnya.	Perkataan كِتابَ adalah maf'ul kepada perkataan عَلَيْكُمْ yang berbentuk Ism al-F'il.
6)	إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ Al-Baqarāt : 150	Partikel إِلَّا adalah istithnā' munqati' dan tidak bermakna "Wāw".	Partikel إِلَّا bermakna partikel "Wāw".
7)	مِنَ الْقَوْلِ إِلَّا مَنْ ظَلَمَ Al-Nisā' : 148	Partikel إِلَّا adalah istithnā' munqati' dan tidak bermakna "Wāw".	Partikel إِلَّا bermakna partikel "Wāw".
8)	وَلَدَارُ الْآخِرَةِ خَيْرٌ Yūsuf : 109	Perkataan الآخرة adalah sifat kepada satu kata nama yang diandaikan sebelumnya.	Perkataan الآخرة adalah mudaf ilayh kepada perkataan دَارُ .
9)	إِنْ هَذَا لَهُوَ حَقُّ الْيَقِينِ Al-Wāqi'at : 95	Perkataan اليقين adalah sifat / muta'alliq kepada satu kata nama yang diandaikan sebelumnya.	Perkataan اليقين adalah mudaf ilayh kepada perkataan حَقُّ .
10)	فِيْنَ مَثَوِي الْمُتَكَبِّرِينَ Al-Zumar : 72	Perkataan بِيْنَ adalah kata kerja.	Perkataan بِيْنَ adalah kata nama.
11)	حَتَّىٰ إِذَا جَاءُوهَا وَفَتَحَتْ أَبْوَابَهَا Al-Zumar : 73	Partikel "Wāw" pada perkataan وَفَتَحَتْ adalah "Wāw" 'ātifat dan bukannya "Wāw" za'idat.	Partikel "Wāw" pada perkataan وَفَتَحَتْ adalah "Wāw" za'idat.
12)	جَعَلَ السُّقَايَا فِي رَحْلِ أَخْيَهِ Yūsuf : 70	Partikel "Waw" pada qirāat syādhat Ibn Mas'ud وَجَعَلَ adalah "Wāw" 'ātifat dan bukannya "Wāw" za'idat.	Partikel "Wāw" pada qirāat syādhat Ibn Mas'ud وَجَعَلَ adalah "Wāw" za'idat.

13)	وَلَا يُطْعِنُهُمْ أَيْمَانًا وَ كُفُورًا Al-Insān : 24	Partikel "Aw" membawa makna pengharusan.	Partikel "Aw" bermakna partikel "Wāw".
14)	مَاةُ أَلْفٍ أَوْ يَزِيدُونَ Al-Sāffāt : 147	Partikel "Aw" membawa makna syak.	Partikel "Aw" bermakna partikel "bal".
15)	يَوْمَ يَأْتِيهِمْ لَيْسَ مَصْرُوفًا Hūd : 8	Perkataan يَوْمَ muta'alliq kepada perkataan مَصْرُوفًا .	Perkataan يَوْمَ berfsifat nominatif sebagai subjek.
16)	وَالَّذِينَ هَادُوا وَالصَّابِئُونَ Al-Mā'idah : 69	Perkataan adalah الصَّابِئُونَ yang khabarnya telah digugurkan.	Perkataan الصَّابِئُونَ ma-tūf ke atas kedudukan partikel "Inna".
17)	وَأَمْرِكُمْ تُسْتَلِمُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ Al-An'ām : 71	Kata kerja تُسْتَلِمُ bersifat akusatif melalui An al-Mud-marat.	Kata kerja سُتْلِمْ bersifat akusatif melalui "Lām" al-Ta'līl sebelumnya.
18)	وَإِنْ كُلَّا لَمَّا لَيْوَقِنُوهُمْ Hūd : 111	Perkataan كُلَّا bersifat akusatif melalui partikel "In" al-Mukhaffafat sebelumnya.	Perkataan كُلَّا bersifat akusatif melalui kata kerja لَيْوَقِنُوهُمْ selepasnya.
19)	جَاءُوكُمْ حَصَرَتْ صُدُورُهُمْ Al-Nisā' : 90	Kata kerja dī'rāb sebagai Hāl melalui pengguguran partikel "qad" sebelumnya.	Kata kerja dī'rāb sebagai Hāl tanpa perlu kepada pentakwilan partikel "qad" sebelumnya.
20)	قَالُوا لَا خُوَانِهِمْ وَقَعَدُوا Āli 'Imrān : 168	Kata kerja قَعَدُوا dī'rāb sebagai Hāl melalui pengguguran partikel "qad" sebelumnya.	Kata kerja قَعَدُوا dī'rāb sebagai Hāl tanpa perlu kepada pentakwilan partikel "qad" sebelumnya.

5.2 Persetujuan Al-Zamakhsyariy Terhadap Aliran Nahu Kufah

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, al-Zamakhsyariy daripada golongan ulama nahu Aliran Nahu Baghdad, bukan sahaja menyatakan sokongannya kepada Aliran Nahu Basrah tetapi juga turut mengemukakan pendapat-pendapat yang memihak kepada Aliran Nahu Kufah.

Namun begitu, oleh kerana beliau lebih cenderung kepada Aliran Nahu Basrah, maka tidak banyak contoh yang boleh kita lihat dalam kitab *Tafsir al-Kasisyaf* tentang pemikiran-pemikiran nahu beliau yang memihak kepada Aliran Nahu Kufah. Antara pemikiran nahu yang dimaksudkan ialah seperti berikut :-

5.2.1 Mengharuskan Tamyiz Dalam Bentuk Ma`rifat

Menurut al-Anbāriy (1961 : 1 / 312) yang bermaksud : "Ulama-ulama Aliran Nahu Kufah berpendapat bahawa ujaran :-

maksud : "Lima belas dirham" harus disebut seperti berikut :-

atau :- الخمسة عشر درهماً , manakala ulama-ulama Aliran Nahu Basrah pula

berpendapat tidak harus memasukkan huruf Alif dan Lām pada perkataan عشر درهماً

dan درهماً . Bagaimanapun, mereka bersepakat harus disebut seperti berikut :-

يا ^lإِلَيْهِمْ سَبَقَتْ الْحُكْمُ ، iaitu secara memasukkan huruf Alif dan Lām pada perkataan

خمسة عشر sahaja".

Kenyataan al-Anbāriy yang tersebut jelas sekali menunjukkan bahawa Aliran Nahu Kufah mengharuskan Tamyīz (Kata Nama Penjelasan) - iaitu perkataan درهم dalam contoh ayat di atas - dalam bentuk ma'rifat (الدرهم), manakala Aliran Nahu Basrah pula tidak mengharuskannya. Ini kerana Aliran Nahu Kufah mengharuskan perkataan tersebut menerima kemasukan huruf Alif dan Lām yang merupakan tanda ma'rifat bagi sesuatu kata nama.

Antara hujah Aliran Nahu Kufah ialah bahawa apa yang mereka katakan itu adalah sahih datang daripada orang-orang Arab. Sehubungan ini, Abū 'Amr telah meriwayatkan perkara tersebut (yakni ujaran yang dinyatakan oleh al-Anbāriy di atas) daripada Abū al-Hasan al-Akhfasy yang meriwayatkannya daripada orang-orang Arab. Oleh itu, perkara ini wajib dipegang kerana kesahihannya daripada orang-orang Arab.

Antara hujah Aliran Nahu Basrah pula ialah kemasukan Alif dan Lām ke atas perkataan درهم tidak harus kerana perkataan tersebut bersifat akusatif sebagai Tamyīz, sedangkan Tamyīz hanya boleh wujud dalam bentuk nakirat. Ini kerana maksud yang dibawa oleh Tamyīz (dalam contoh di atas) ialah membezakan objek yang dibilang daripada objek-objek lain dan perkara ini hanya akan terlaksana melalui kata nama nakirat yang bersifat lebih ringan. Oleh itu, lafadz nakirat lebih baik berbanding ma'rifat yang bersifat lebih berat (al-Anbāriy, 1961 : 1 / 313 - 315).

Sokongan al-Zamakhsyariy terhadap Aliran Nahu Kufah dalam masalah ini boleh dilihat semasa beliau mentafsir firman Allah Ta'ala dalam surah al-Baqarat ayat yang ke-130, iaitu :-

وَمَنْ يُرْغَبُ عَنْ مِلْكِ إِبْرَاهِيمَ إِلَّا مَنْ سَفِهَ نَفْسَهُ

sebagaimana yang telah diterangkan dalam Bab Keempat sebelum ini (lihat, 4.1.2, hlm. 86).

Dalam keterangan yang tersebut, al-Zamakhsyariy telah mengemukakan dua bentuk *i'rāb* bagi perkataan *نَفْسَهُ*, iaitu sama ada *dī'i'rāb* sebagai Tamyīz atau pun kerana pengguguran harf *jār* sebelumnya. Bagaimanapun, al-Zamakhsyariy memilih bentuk *i'rāb* yang pertama kerana kewujudan Tamyīz dalam bentuk *ma'rifa* diperkuatkan lagi dengan wujudnya gejala tersebut dalam hadith Nabi s.a.w., iaitu :-

الْكَبِيرُ أَنْ تَسْنَدَ الْحَقُّ وَتُعْمَصَ النَّاسُ .

Dalam hadith ini, perkataan *الْحَقُّ* *dī'i'rāb* sebagai Tamyīz, kerana kata kerja *سَنَدَ* adalah *fi'l lazim* (kata kerja tak transitif). Oleh itu, perkataan *الْحَقُّ* tersebut tidak boleh *dī'i'rāb* sebagai *Maf'ul Bih* (Objek Jati).

Sekiranya Aliran Nahu Basrah tidak boleh menerima Tamyīz dalam bentuk *ma'rifa*, maka apakah pula pendapat mereka tentang perkataan *نَفْسَهُ* dalam ayat al-Quran yang dimaksudkan ?

Menurut Abū Hayyān (1992 : 1 / 628) yang bermaksud : "Perkataan *نفسه* bersifat akusatif sama ada sebagai Tamyiz menurut pendapat sebahagian ulama Aliran Nahu Kufah termasuk al-Farrā', atau kerana keadaannya yang menyerupai *maf'ul* (objek), iaitu pendapat sebahagian lagi ulama Aliran Nahu Kufah, atau sebagai *Maf'ul Bih*.

Perkataan tersebut dili'rab sebagai *Maf'ul Bih* kerana kata kerja *نفسه* bersifat muta`addiy (transitif) sama seperti kata kerja *فِي* atau pun kerana kata kerja tersebut mengandungi makna kata kerja yang bersifat muta`addiy, iaitu kata kerja *لِمَنْ* mengikut al-Zajjāj dan Ibn Jinnī atau pun kata kerja *أَهْلَكَ* mengikut Abū 'Ubaydat. Selain itu, ada juga pihak yang berpendapat gejala akusatif tersebut kerana terdapatnya *harf jarr* yang digugurkan sebelumnya, iaitu pendapat sebahagian ulama Aliran Nahu Basrah

Bagaimanapun, aku (yakni Abū Hayyān) memilih pendapat yang mengatakan bahawa perkataan *نفسه* tersebut dili'rab sebagai *Maf'ul Bih*, kerana Tha'lāb dan al-Mubarrad ada meriwayatkan bahawa kata kerja *نفسه* adalah *fi'l muta`addiy* (kata kerja transitif) sama seperti kata kerja *فِي*. Malah, Abū al-Khaṭṭāb meriwayatkan bahawa gejala tersebut adalah suatu dialek".

Daripada keterangan Abū Ḥayyān di atas, kita dapat terdapat tiga pendapat utama Aliran Nahu Basrah tentang i'rāb bagi perkataan هُنْ tersebut. Tiga pendapat tersebut ialah :-

- 1) Perkataan tersebut dii'rāb sebagai Maf'ul Bih kerana kata kerja هُنْ adalah f'il muta'addiy, iaitu pendapat al-Mubarrad.
- 2) Perkataan tersebut dii'rāb sebagai Maf'ul Bih kerana kata kerja هُنْ mengandungi makna f'il muta'addiy seperti kata kerja لَهُ, iaitu pendapat al-Zajjāj.
- 3) Perkataan tersebut bersifat akusatif kerana terdapatnya penggungan harf jarr sebelumnya, iaitu pendapat sebahagian ulama Aliran Nahu Basrah.

5.2.2 "An" Al-Masdariyyat Berfungsi Semasa Digugurkan Tanpa Gantian

"An" al-Masdariyyat ialah partikel An yang digandingkan dengan kata kerja selepasnya yang boleh membentuk suatu kata nama dalam bentuk masdar (kata sumber). Contohnya boleh dilihat seperti ayat berikut :-

أَرِيدُ أَنْ أَذْهَبَ إِلَى الْكُلْيَّةِ yang bermaksud : "Saya mahu pergi ke kuliah". Dalam ayat ini, partikel An dan kata kerja yang selepasnya boleh ditukar kepada masdar seperti berikut :- أَرِيدُ الدَّهَابَ إِلَى الْكُلْيَّةِ .

Seluruh ulama nahu bersepakat mengatakan bahawa partikel An berfungsi mengakusatifkan fi'l mudāri' selepasnya jika partikel tersebut wujud dalam ayat seperti contoh di atas. Bagaimanapun, mereka berselisih pendapat sekiranya partikel tersebut digugurkan daripada ayat tanpa diganti oleh partikel-partikel yang lain.

Menurut al-Anbārī (1961 : 2 / 559) yang bermaksud : "Ulama-ulama Aliran Nahu Kufah berpendapat bahawa partikel An tetap berfungsi mengakusatifkan fi'l mudāri' walaupun ia digugurkan daripada ayat tanpa pengganti. Manakala, ulama-ulama Aliran Nahu Basrah pula menegahnya kecuali jika partikel tersebut diganti oleh partikel yang lain".

Antara hujah Aliran Nahu Kufah ialah firman Allah Ta'ala dalam surah al-Baqarat ayat yang ke-83 berdasarkan qira'at syādhat 'Abdullah bin Mas'ūd, iaitu : وَإِذْ أَخْدُنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَائِيلَ لَا تَعْبُدُوا إِلَّا اللَّهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ... - yang

bermaksud : "Dan (ingatlah wahai Muhammad), ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan Banī Isrā'il (dengan berfirman) : "Janganlah kamu menyembah melainkan Allah, dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, ...".

Menurut Aliran Nahu Kufah, frasa ayat :- لا تَعْبُدُوا لَا bersifat akusatif melalui partikel An yang diandaikan wujud sebelumnya. Oleh itu, andaian ayat di atas adalah seperti berikut : . أَنْ لَا تَعْبُدُوا إِلَّا اللَّهُ . Justeru itu, partikel An tetap berfungsi walaupun ia telah digugurkan daripada ayat tersebut.

Selain itu, Aliran Nahu Kufah juga turut berhujah dengan bait puisi Tarafat bin al-'Abd (pemuisi Jāhiliyy), iaitu :-

الَا اتَّهَدَ الزَّاجِرِي أَخْضُرَ الْوَغْنِ * وَأَنْ أَشْهَدَ اللَّذَّاتِ هَلْ أَنْتَ مُخْلِدِي

yang bermaksud : "Wahai orang yang menghalang aku daripada pergi berperang dan menikmati keseronakan (berperang bersama kawan-kawan) : Adakah kamu fikir yang kamu akan kekal selama-lamanya ?".

Menurut Aliran Nahu Kufah, kata kerja أَخْضُرَ bersifat akusatif melalui partikel An yang telah digugurkan sebelumnya. Bukti perkataan tersebut telah dientaskan oleh perkataan أَنْ أَشْهَدَ yang selepasnya.

Sementara itu, antara hujah Aliran Nahu Basrah pula ialah perkara tersebut tidak harus kerana partikel An merupakan salah satu daripada 'awāmil al-afāl (agen-agen yang berfungsi ke atas kata kerja), sedangkan 'awāmil al-afāl adalah lemah (berbanding 'awāmil al-asma' [agen-agen yang berfungsi ke atas kata nama]). Oleh itu, partikel tersebut sepatutnya tidak berfungsi apabila ia digugurkan tanpa sebarang pengganti.

Menurut Aliran Nahu Basrah lagi, partikel "Anna" yang berfungsi mengakusatifkan kata nama tidak akan berfungsi apabila ia digugurkan daripada ayat. Oleh itu, apabila partikel tersebut tidak berfungsi setelah digugurkan, maka partikel An lebih patut lagi tidak berfungsi apabila ia digugurkan daripada ayat. Hal ini berdasarkan dua sebab seperti berikut :-

- 1) Partikel Anna merupakan salah satu daripada 'awāmil al-asma'', manakala partikel An pula salah satu daripada 'awāmil al-afāl'. Dalam hal ini, 'awāmil al-asma'' lebih kuat berbanding 'awāmil al-afāl'. Oleh itu, sekiranya partikel Anna tidak berfungsi semasa ia digugurkan sedangkan kedudukannya lebih kuat berbanding partikel An, maka partikel An lebih sepatutnya tidak berfungsi semasa digugurkan memandangkan kedudukannya yang lebih lemah berbanding partikel Anna.
- 2) Partikel An berfungsi mengakusatifkan kata kerja kerana keadaannya yang menyerupai partikel Anna. Oleh itu, sekiranya perkataan yang menjadi asal (yakni partikel Anna) tidak berfungsi semasa ia digugurkan, maka perkataan yang menjadi cabang (yakni perkataan An) lebih sepatutnya tidak berfungsi semasa ia digugurkan kerana perkara tersebut akan membawa kepada suatu keadaan yang bercanggah, iaitu perkataan cabang bersifat lebih kuat berbanding perkataan asal, sedangkan perkara sedemikian tidak harus (al-Anbārīy, 1961 : 2 / 560 - 563).


Seperti yang dinyatakan di atas, Aliran Nahu Basrah tidak mengharuskan partikel An berfungsi mengakusatifkan *fi'l mudāri'* semasa digugurkan daripada ayat tanpa sebarang partikel lain yang menjadi pengganti. Partikel pengganti yang dimaksudkan tersebut terdiri daripada tujuh perkaatan. Tiga daripadanya merupakan harf *jarr* iaitu Kay, al-Lām dan Hattā, manakala selebihnya adalah harf al-'atf (partikel penyambung), iaitu Aw, al-Fa', al-Wāw dan Thumma.

Contohnya boleh dilihat seperti ayat berikut :- جَنْتُ كَيْ نُكْرِمِنِي yang bermaksud : "Aku datang agar kamu menghormati aku". Dalam ayat ini, kata kerja نُكْرِمِنِي bersifat akusatif melalui partikel An yang telah digugurkan daripada ayat dan diganti oleh partikel Kay. Oleh itu, andaian ayat tersebut adalah seperti berikut :- جَنْتُ كَيْ أَنْ نُكْرِمِنِي .

Kedudukan partikel An secara tersembunyi selepas ketujuh-tujuh partikel pengganti yang dimaksudkan tersebut boleh diringkaskan seperti gambar rajah yang berikut :-

Rajah 3

Partikel-Partikel Pengganti Baqi "An"



Sokongan al-Zamakhsyariyy terhadap Aliran Nahu Kufah dalam masalah ini boleh dilihat semasa beliau mentafsir firman Allah Ta'ala dalam surah al-Muddaththir ayat yang ke-6, iaitu :- **وَلَا تَمْنَنْ تَسْتَكْثِرْ** yang bermaksud : "Dan janganlah engkau memberi (sesuatu, dengan tujuan hendak) mendapat lebih banyak daripadanya !".

Menurut al-Zamakhsyariyy (T. T. : 4 / 157) yang bermaksud :- "Al-A'masy membaca **"تَسْتَكْثِرْ"**, iaitu secara akusatif melalui andaian partikel An (sebelumnya), iaitu gejala yang sama seperti yang terdapat dalam bait puisi berikut :-

* * **أَلَا أَيْهُذَا الزَّائِحِي أَخْضُرُ الْوَغْيَ** * . Bentuk *i'rāb* ini diperkuatkan lagi dengan bentuk bacaan Ibn Mas'ud :- **"وَلَا تَمْنَنْ أَنْ تَسْتَكْثِرْ"**.

Dalam keterangan di atas, jelas sekali al-Zamakhsyariy berpendapat bahawa gejala akusatif yang terdapat pada kata kerja ^{سُكْرٌ} berdasarkan qirā'at syādhāt al-A'masy itu disebabkan oleh partikel An yang digugurkan daripada ayat berkenaan yang masih tetap berfungsi walaupun tidak mempunyai sebarang pengganti daripada partikel-partikel yang lain. Untuk menguatkan pendapat beliau ini, al-Zamakhsyariy turut mengemukakan sebuah bait puisi Tarafat bin al-'Abd, iaitu bait puisi yang sama yang telah dijadikan sebagai hujah oleh Aliran Nahu Kufah sebelum ini.

Selain itu, beliau juga turut mengemukakan qirā'at syādhāt Ibn Mas'ud sebagai hujah. Dalam qirā'at tersebut, partikel An jelas wujud sebelum kata kerja ^{سُكْرٌ}. Hal ini membuktikan bahawa partikel An tetap berfungsi mengakusatifkan fi'l mudāri' walaupun ia telah digugurkan daripada ayat tanpa diganti oleh partikel-partikel yang lain.

5.2.3 Partikel “Min” Merujuk Kepada Masa

Menurut al-Anbāriy (1961 : 1 / 370) yang bermaksud : “*Ulama-ulama Aliran Nahu Kufah berpendapat bahawa partikel “min” (من) harus digunakan sama ada untuk merujuk kepada masa atau pun tempat. Manakala, ulama-ulama Aliran Nahu Basrah pula berpendapat bahawa partikel tersebut tidak boleh digunakan untuk merujuk kepada masa”.*

Antara hujah Aliran Nahu Kufah ialah firman Allah dalam surah al-Tawbat ayat yang ke-108 لَمْسِنْجَدْ أَسْسَنَ عَلَى التَّقْوَىٰ مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ :-

(yang bermakud : "... *Masjid (Quba' yang engkau bina wahai Muhammad), yang telah didirikan di atas dasar taqwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya engkau sembahyang padanya*") dan bait puisi Zuhayr bin Abi Sulmā (pemuisi Jahiliy) :-

لِمَنِ الْدِيَارُ بِقُبْرِهِ الْحِجْرِ * أَفْوَينَ مِنْ حَجَّ وَمِنْ دَهْرِ

yang bermaksud : "Untuk siapakah rumah-rumah yang berada di puncak bukit Hijr itu, iaitu rumah-rumah yang telah mereka tinggalkan semenjak bertahun-tahun dan berabad-abad lamanya".

Menurut Aliran Nahu Kufah, ketiga-tiga perkataan حَجَّ وَمِنْ دَهْرِ dalam ayat al-Quran dan bait puisi tersebut semuanya merujuk kepada masa. Hal ini membuktikan bahawa partikel min harus merujuk kepada masa.

Pendapat Aliran Nahu Kufah dalam masalah ini turut disokong oleh al-Akhfasy, al-Mubarrad dan Ibn Durustuwahy daripada Aliran Nahu Basrah sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn Hisyām dalam kitab "Mughnī al-Labib" dan Ibn Ya'isy dalam kitab "Syarḥ al-Mufassal" (Ibn Hisyām, 1987 : 1 / 318 dan Ibn Ya'isy, T. T. : 8 / 11).

Selain itu, turut menyokong pendapat ini ialah Ibn Malik yang menyebut

بَعْضٌ وَيَّنْ وَابْتَدَئِ فِي الْأُمْكَنَةِ * بَمْ وَقَدْ تَأْتَى لِبَدْءِ الْأَرْمَنَةِ

yang bermaksud : "Partikel min bermakna tab' id [sebahagian], penerangan jenis dan permulaan maksud untuk tempat. Namun begitu, partikel min juga kadang-kadang bermakna permulaan maksud untuk masa") (Ibn 'Aqil, 1988 : 1 / 17).

Sementara itu, Aliran Nahu Basrah pula bersepakat mengatakan bahawa partikel *min* yang merujuk kepada tempat adalah gandingan kepada "mudh" (م) yang merujuk kepada masa. Hal ini kerana partikel *min* merujuk kepada permulaan maksud pada tempat sebagaimana *mudh* merujuk kepada permulaan maksud pada masa. Lihatlah dua contoh ayat seperti berikut :-

ما رأيته مذ يوم الجمعة (1) yang bermaksud : "Aku tidak pernah melihatnya

semenjak hari Jumaat".

2) مَا سَرْتُ مِنْ بَعْدَ أَدْ (yang bermaksud : "Aku tidak memulakan perjalanan

dari Baghdad".

Contoh yang pertama di atas, perkataan *mudh* memberi makna bahawa waktu tidak melihatnya yang tersebut bermula dari hari Jumaat. Manakala, contoh yang kedua pula, partikel *min* bermakna bahawa “*aku tidak memulakan perjalanan dari tempat ini*”. Dalam hal ini, jika kita tidak boleh menyebut :-

ما رأيته من يوم الجمعة - : ما سرت مذ ينادى *begitu juga kita tidak boleh menyebut*

Justeru itu, Aliran Nahu Basrah telah mentakwilkan ayat al-Quran di atas seperti berikut : -

لَمْسِنْجِدَ أَسَسَ عَلَى التَّقْوَىٰ مِنْ تَأْسِيْسِ أَوْلَى يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ - (تَأْسِيْسِ)
Menurut mereka, terdapat pengguguran mudaf dalam ayat al-Quran tersebut dan tempat mudaf itu telah diambil alih oleh mudaf ilayh (أَوْلَى). Hal seperti ini juga terdapat dalam firman Allah Ta'ala dalam surah Yūsuf ayat yang ke-82 :- وَاسْأَلِ الْقَرْيَةَ الَّتِي كُنَّا فِيهَا - yang bermaksud : "Dan bertanyalah kepada penduduk negeri (Mesir) yang kami telah tinggal padanya", iaitu dengan andaian :- وَاسْأَلْ أَهْلَ الْقَرْيَةِ (al-Anbārīy, 1961 : 1 / 370 - 372).

Sokongan al-Zamakhsyariy terhadap Aliran Nahu Kufah dalam masalah ini boleh dilihat semasa beliau mentafsir firman Allah Ta'ala dalam surah dan ayat yang sama, iaitu :-

لَا تَقْمِ فِيهِ أَبَدًا لَمْسِنْجِدَ أَسَسَ عَلَى التَّقْوَىٰ مِنْ أَوْلَى يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ ...
bermaksud : "Janganlah engkau sembahyang di masjid itu selama-lamanya, kerana sesungguhnya masjid (Quba' yang engkau bina wahai Muhammad), yang telah didirikan di atas dasar taqwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya engkau sembahyang padanya".

Menurut al-Zamakhsyariy (1995 : 2 / 300) yang bermaksud :- "Firman Allah Ta'ala مِنْ أَوْلَى يَوْمٍ bermaksud "semenjak hari pertama kewujudannya".

Kenyataan al-Zamakhsyariy di atas, jelas membuktikan bahawa beliau mengharuskan partikel *min* membawa makna yang merujuk kepada masa. Oleh itu, al-Zamakhsyariy tidak melakukan sebarang pentakwilan terhadap ayat al-Quran tersebut sebagaimana yang dilakukan oleh Aliran Nahu Basrah sebelum ini.

Menurut al-Radiy al-Istarabadiy yang bermaksud : "Perkara yang zahir dalam masalah ini ialah pendapat Aliran Nahu Kufah. Hal ini kerana tidak ada sebarang tegahan bagi contoh-contoh seperti :-

bermaksud : "Aku tidur semenjak awal malam sehingga akhir malam" dan :-

صُمِّتْ مِنْ أَوَّلِ اللَّيْلِ إِلَى آخِرِهِ yang bermaksud : "Aku berpuasa semenjak awal bulan sehingga akhir bulan". Malah, contoh-contoh seperti ini digunakan secara meluas dalam percakapan" (Ibn al-Hajib, T. T. : 2 / 321).

5.2.4 Jawapan "La`alla" Dalam Bentuk Akusatif

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini (lihat 5.2.2, hlm. 204), antara partikel yang menjadi pengganti kepada partikel *An* apabila ia digugurkan daripada ayat ialah partikel *al-Fa'*. Partikel *al-Fa'* yang dimaksudkan di sini ialah "Fa" al-Sababiyyat (huruf "Fa" yang menunjukkan bahawa ayat yang sebelumnya menjadi sebab kepada ayat yang selepasnya) yang terletak

فُمْ فَتَرُمْ
selepas ayat yang merujuk kepada tuntutan seperti contoh berikut :-

yang bermaksud : "Bangunlah kamu, maka kami akan bangun".

Dalam contoh di atas, ayat yang sebelum "Fa" al-Sababiyyat merupakan ayat tuntutan dengan menggunakan fi'l al-amr (kata kerja perintah), iaitu kata kerja فُمْ (yang bermaksud : "Bangunlah kamu"). Oleh itu, fi'l mudari', iaitu kata kerja فَتَرُمْ (yang bermaksud : "Kami akan bangun") yang terletak selepas "Fa" al-Sababiyyat perlu dibaca secara akusatif melalui An al-Mudmarat yang diandaikan selepas "Fa" al-Sababiyyat tersebut.

Dalam persoalan ini, ulama-ulama Aliran Nahu Kufah berselisih pendapat dengan ulama-ulama Aliran Nahu Basrah tentang ayat yang sebelum "Fa" al-Sababiyyat yang berbentuk ayat harapan (al-raja') yang disertai oleh partikel "la'alla" (لَا إِلَّا). Dalam hal ini, Aliran Nahu Kufah yang diketuai oleh al-Farrā' berpendapat bahawa ayat yang menjadi jawapan kepada la'alla harus bersifat akusatif, manakala Aliran Nahu Basrah pula berpendapat perkara tersebut tidak harus.

Antara hujah Aliran Nahu Kufah ialah firman Allah Ta'ala dalam surah Ghafir ayat yang ke-36 dan 37 berdasarkan qira'at mutawatirat yang diriwayatkan daripada 'Āsim, iaitu :-

لَعْلَى أَبْلُغُ الْأَسْبَابَ ، أَسْبَابَ السَّمَاوَاتِ فَأَطْلُعَ إِلَى إِلَهِ مُؤْسَى yang bermaksud :

"Semoga aku sampai ke jalan-jalan (yang aku hendak menujunya). Iaitu ke pintu-pintu langit, supaya aku dapat melihat tuhan Müsa" dan firmanNya dalam surah 'Abasa ayat yang ke-3 dan 4, iaitu :-

وَمَا يُدْرِيكَ لَعْلَةٌ يَزْكُرُ ، أَوْ يَذْكُرُ فَتَنَعَّثُ الذَّكْرَى yang bermaksud : "Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui (wahai Muhammad akan tujuannya) ? Barangkali ia mahu membersihkan hatinya (dengan pelajaran agama yang didapatnya daripadamu) ! Atau pun ia mahu mendapat peringatan supaya peringatan itu memberi manfaat kepadanya".

Dalam kedua-dua ayat al-Quran tersebut, *fi'l mudāri'* وَتَنَعَّثُ dan أَطْلُعَ yang terletak selepas "Fa" al-Sababiyyat masing-masing bersifat akusatif kerana kedua-duanya merupakan jawapan kepada ayat al-raja' yang dibawa oleh partikel *la`alla* sebelumnya.

Sokongan al-Zamakhsyari terhadap Aliran Nahu Kufah dalam masalah ini boleh dilihat semasa beliau mentafsir ayat yang ke-36 dan 37 dalam surah Ghafir yang tersebut di atas.

Menurut al-Zamakhsyari (T. T. : 3 / 371) yang bermaksud :- "Ada pihak yang membaca فَأَطْلُعَ secara akusatif. Bacaan ini berdasarkan jawapan kepada ayat al-raja' (sebelumnya), kerana al-raja' dalam ayat tersebut menyerupai ayat al-tamanni".

Dalam keterangan ini, al-Zamakhsyari^y jelas sekali menganggap punca gejala akusatif pada fi'l mudāri' فاطلع disebabkan oleh kedudukan kata kerja tersebut yang menjadi jawapan kepada ayat al-raja' dalam ayat yang sebelumnya yang dibawa oleh perkataan la'alla. Hal ini kerana ayat tersebut menyerupai ayat al-tamanni.

Yang dimaksudkan dengan al-raja' ialah penantian terhadap suatu perkara yang pada adatnya boleh terhasil, manakala al-tamanni pula membawa maksud suatu tuntutan yang dipercayai tidak mungkin boleh terhasil. Justeru itu, al-tamanni merupakan suatu tuntutan, manakala al-raja' pula berbentuk harapan. Namun begitu, oleh kerana al-raja' dalam ayat di atas menyerupai ayat al-tamanni, maka al-Zamakhsyari^y berpendapat fi'l mudāri' yang terletak selepas "Fa" al-Sababiyyat itu harus dibaca secara akusatif.

Hal ini kerana para ulama nahu bersepakat bahawa sekiranya fi'l mudāri' yang terletak selepas "Fa" al-Sababiyyat merupakan jawapan kepada ayat al-tamanni sebelumnya, maka kata kerja tersebut harus dibaca secara akusatif. Antara contohnya ialah firman Allah Ta'ala dalam surah al-Nisā' ayat yang ke-73, iaitu ... يَا لَيْتَنِي كُنْتُ مَعْهُمْ فَأُفْزُ فَوْزًا عَظِيمًا :- yang bermaksud : "....

Alangkah baiknya kalau aku turut serta bersama-sama mereka, supaya aku juga beroleh kemenangan yang amat besar ?

Dalam firman Allah Ta'ala ini, kata kerja أَفْوَزْ dibaca secara akusatif kerana kata kerja tersebut menjadi jawapan kepada ayat al-tamanni sebelumnya yang disertai oleh partikel "layta" (لِيْتَ).

Sokongan al-Zamakhsyari terhadap Aliran Nahu Kufah dalam masalah ini diperkuatkan lagi melalui pentafsiran beliau terhadap firman Allah Ta'ala dalam surah 'Abasa ayat yang ke-3 dan ke-4, iaitu ayat yang telah dijadikan hujah oleh Aliran Nahu Kufah sebelum ini (sila rujuk ayat tersebut, hlm. 212).

Menurut al-Zamakhsyari (T. T. : 4 / 185) yang bermaksud :- "Fi'l mudari' فِتْنَةً boleh dibaca secara nominatif berdasarkan ia di'atafkan ke atas kata kerja يَذْكُرْ yang sebelumnya. Selain itu, kata kerja tersebut juga boleh dibaca secara akusatif berdasarkan kedudukannya sebagai jawapan kepada partikel la'alla seperti ayat :- فَاطْلُعْ إِلَى إِلَهِ مُوسَى yang lalu".

Qirā'at pertama (secara nominatif) yang dibaca oleh al-Zamakhsyari itu ialah qirā'at mutawātirat daripada sembilan ulama qirā'at yang sepuluh selain daripada 'Āsim. Manakala, qirā'at yang kedua pula (secara akusatif) adalah qirā'at mutawatirat daripada 'Āsim. Berdasarkan qirā'at yang pertama, huruf "Fa" dalam ayat al-Quran tersebut bukan lagi berfungsi sebagai "Fa" al-Sababiyyat, sebaliknya ia dinamakan sebagai "Fa" al-Isti'nāf (huruf "Fa" yang berfungsi menyambungkan satu ayat dengan satu ayat yang lain).

Sementara itu, Aliran Nahu Basrah pula berpendapat bahawa ayat al-raja' tidak mempunyai jawapan dalam bentuk akusatif, kerana ayat al-raja' tidak termasuk dalam kategori ayat yang membawa maksud tuntutan. Oleh itu, mereka telah mentakwilkan ayat al-Quran daripada surah Ghafir di atas seperti berikut :-

1) Kata kerja أَطْلَعَ bersifat akusatif kerana kedudukannya sebagai ja-

wapan kepada fi'l al-amr dalam ayat yang sebelumnya, iaitu :-

أَبْنَ لِي صَرْحًا yang bermaksud : "Binalah untukku sebuah bangunan yang tinggi".

2) Kata kerja أَطْلَعَ di'atafkan kepada kata kerja أَتْلَعَ dalam ayat sebe-

lumnya atas dasar kata kerja berkenaan membawa makna أَنْ أَتْلَعَ ،

kerana khabar la`alla pada kebiasaannya disertai oleh partikel An.

(Al-Šabbān, T. T. : 3 / 312 - 313, Ibrāhīm Ḥasan Ibrāhīm, 1984 : 87 - 88 dan Abu Hayyān, 1992 : 9 / 258 - 259).

Pendapat Aliran Nahu Kufah dalam masalah ini turut disokong oleh ulama-ulama nahu yang terdahulu seperti Ibn Mālik yang menyebut :-

وَالْفِعْلُ بَعْدَ الْفَاءِ فِي الرَّجْهَا تُصِيبُ * كَتَصِيبِ مَا إِلَى التَّمَنِي يَتَسَبَّبُ

yang bermaksud : "Kata kerja yang terletak selepas "Fa'" sebagai jawapan kepada al-raja' boleh diakusatifkan sebagaimana kata kerja yang diakusatifkan sebagai jawapan kepada al-tamanni" (Ibn 'Aqil, 1988 : 2 / 329).

Menurut al-Asymūniy yang bermaksud : "Mazhab Aliran Nahu Basrah ialah bahawa al-raja' tidak mempunyai jawapan dalam bentuk akusatif. Oleh itu, mereka telah mentakwilkan bukti-bukti yang dinyatakan di atas (yang terdiri daripada ayat-ayat al-Quran dan bait puisi) sedangkan perkara yang mereka lakukan itu jauh daripada kebenaran" (al-Sabbān, T. T. : 3 / 313).

5.2.5 'Atf Al-Bayān dan Matbū'nya Dalam Bentuk Nakirat

Persetujuan al-Zamakhsyariy terhadap Aliran Nahu Kufah dalam masalah ini boleh dilihat semasa beliau mentafsir firman Allah Ta'ala dalam surah Ibrāhīm ayat yang ke-16, iaitu :-

بِمِنْ وَرَائِهِ جَهَنَّمُ وَيُسْقَى مِنْ مَاءً صَدَدِيدٍ yang bermaksud : "Di belakangnya disediakan neraka Jahannam, dan ia akan diberi minum dari air danur (yang keluar dari tubuh ahli neraka)".

Menurut al-Zamakhsyariy (1995 : 2 / 525) yang bermaksud : "Perka-taan *dī'rāb* sebagai 'Atf al-Bayān kepada perkataan Dalam hal ini,

firmanNya :- (وَيُسْقَى مِنْ مَاءً) yang bermaksud : "... dan ia akan diberi minum dari

air) mengandungi makna yang kesamaran. Tetapi kesamaran itu kemudiannya dijelaskan oleh perkataan صَدْرٌ , iaitu sejenis cecair yang mengalir dari kulit ahli neraka".

Keterangan al-Zamakhsyariyy ini jelas menunjukkan bahawa beliau ber-setuju dengan Aliran Nahu Kufah yang mengharuskan 'Atf al-Bayān dan matbū'nya (yakni kata nama yang diikuti olehnya) dalam bentuk nakirat. Dalam firman Allah tersebut, perkataan yang menjadi 'Atf al-Bayān, iaitu صَدْرٌ dan matbū'nya, iaitu perkataan صَدْرٌ مَاءٌ masing-masing adalah kata nama nakirat.

Menurut al-Alusiyy (1985 : 13 / 202) yang bermaksud : "Mazhab Aliran Nahu Kufah dan al-Fārisiy telah mengharuskan 'Atf al-Bayān dalam bentuk nakirat, sedangkan Aliran Nahu Basrah menegahnya. Aliran Nahu Basrah berpendapat perkataan صَدْرٌ dalam firmanNya di atas adalah badal (pengganti) kepada perkataan صَدْرٌ مَاءٌ , sekiranya perkataan صَدْرٌ itu dianggap sebagai kata nama jāmid (kata nama yang tidak berasal daripada perkataan yang lain). Bagaimanapun, sekiranya perkataan tersebut dianggap sebagai kata nama musytaq (kata nama terbitan), iaitu pecahan daripada perkataan الصَّدْرُ yang bermaksud "dilarang minum", maka perkataan tersebut dii'rāb sebagai na't (sifat)".

Menurut Aliran Nahu Basrah, perkara tersebut tidak harus kerana kata nama yang menjadi 'Atf al-Bayān mestilah bersifat bayān (yakni jelas), sedangkan kata nama nakirat bersifat majhūl (tidak jelas). Dalam hal ini, kata nama majhūl tidak boleh menerangkan kata nama majhūl yang lain.

Bagaimanapun, Aliran Nahu Kufah berpendapat perkara tersebut harus kerana kata nama nakirat boleh menerima ciri-ciri takhsis (pengkhususan) melalui kata nama jāmid sepertimana kata nama ma'rifa boleh menerima ciri-ciri tawdīh (penjelasan) melalui kata nama jāmid.

Contohnya boleh dilihat seperti ayat berikut :- **لَبِسْتُ تَوْبَةً جُبَّةً** yang bermaksud : "Aku memakai baju jubah". Dalam ayat ini, perkataan **تَوْبَةً** (baju) merupakan kata nama nakirat yang boleh menerima ciri-ciri takhsis melalui kata nama jāmid selepasnya, iaitu perkataan **جُبَّةً** (jubah). Oleh itu, perkataan **جُبَّةً** tersebut harus di'rab sebagai 'Atf al-Bayān kepada lafadz **تَوْبَةً**.

Selain itu, menurut Aliran Nahu Kufah, sebahagian kata nama nakirat bersifat lebih khusus berbanding sebahagian kata nama nakirat yang lain. Dalam hal ini, kata nama nakirat yang lebih khusus berfungsi menjelaskan kata nama nakirat yang lebih umum. Dalam contoh di atas, perkataan **جُبَّةً** adalah kata nama nakirat yang lebih khusus berbanding perkataan **تَوْبَةً**.

kerana perkataan tersebut berfungsi menerangkan jenis bagi perkataan **نُوبَأْ**.

Oleh itu, kata nama nakirat yang lebih khusus tersebut layak dii'rāb sebagai 'Atf al-Bayān (al-Sabbān, T. T. : 3 / 86).

Selain daripada ayat al-Quran di atas, antara hujah Aliran Nahu Kufah ialah firman Allah Ta'ala dalam surah al-Nūr ayat yang ke-35 :-

الْزُّجَاجَةُ كَانَهَا كَوْكَبٌ دُرْرِيٌّ يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةٍ مُّبَارَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ

bermaksud : "... Geluk kaca itu pula (jemih terang) laksana bintang yang bersinar cemerlang : Lampu itu dinyalakan dengan minyak dari pokok yang banyak manfaatnya, pokok Zaitun yang bukan sahaja disinari matahari semasa naiknya dan bukan sahaja semasa turunnya (tetapi ia sentiasa terdedah kepada matahari) ..."

dan firmanNya dalam surah al-Mā'idah ayat yang ke-95 :-

أَوْ كُفَّارَةً طَعَامُ مَسَاكِينٍ أَوْ عَدْلٌ ذَلِكَ صِيَامًا لِيَذُوقَ وَبَالَ أَمْرِهِ

yang bermaksud : "... atau bayaran kifarat, iaitu memberi makan orang-orang miskin, atau berpuasa sebanyak bilangan cupak yang diberikan kepada orang-orang miskin supaya dapat ia merasai kesan yang buruk dari perbuatannya ...".

Dalam kedua-dua ayat al-Quran di atas, perkataan **زَيْتُونَةٍ** (pokok Zaitun) menjadi 'Atf al-Bayān kepada perkataan **شَجَرَةٍ** (pokok) dan perkataan **طَعَامُ مَسَاكِينٍ** (memberi makan orang-orang miskin) pula menjadi

‘Atf al-Bayān kepada perkataan كُنْارَةً (bayaran kifarat) (al-Sabbān, T. T. : 3

/ 86 dan ‘Abdul ‘Azīz Muḥammad Fākhir, 1992 : 4 / 39).

Pendapat Aliran Nahu Kufah ini turut disokong oleh ulama-ulama nahu yang terkemudian, antaranya Ibn Mālik yang menyebut :-

فَقَدْ يَكُونُانِ مُنْكَرٌْينِ * كَمَا يَكُونُانِ مُعْرَفَينِ

yang bermaksud : "Kadang-kadang ‘Atf al-Bayān dan matbū’nya itu wujud dalam bentuk nakirat, sebagaimana kedua-duanya wujud dalam bentuk ma’rifat" (Ibn ‘Aqil, 1988 : 2 / 203).

Menurut Ibn Hisyām dalam kitab beliau "Syarḥ Qatr al-Nada Wa Ball al-Sada" (1963 : 298) yang bermaksud : "Kebanyakan ulama nahu menegah ‘Atf al-Bayān dan matbū’nya dalam bentuk nakirat, tetapi pendapat yang sahih adalah harus".

Melalui perbincangan di atas, pemikiran nahu al-Zamakhsyariyy yang berkaitan persetujuan beliau terhadap Aliran Nahu Kufah boleh diringkaskan dalam jadual yang berikut :-

Jadual 7

Persetujuan Al-Zamakhsyariy Terhadap Aliran Nahu Kufah

No.	Ayat al-Quran	Pendapat Aliran Nahu Kufah / al-Zamakhsyariy	Pendapat Aliran Nahu Basrah
1)	إِلَّا مَنْ سَفَهَ نَفْسَهُ Al-Baqarat : 130	Perkataan نَفْسَهُ adalah Tamyiz kepada kata kerja سَفَهَ .	Perkataan نَفْسَهُ adalah maf'ul bih atau terdapat pengguguran harf jaarr sebelumnya.
2)	وَلَا تَمْنَنْ تَسْتَكْثِرُ Al-Muddaththir : 6	Kata kerja تَسْتَكْثِرُ dibaca secara akusatif melalui pengguguran partikel "An".	Bacaan تَسْتَكْثِرُ secara akusatif adalah salah.
3)	مِنْ أَوْلِ يَوْمٍ أَحَقُّ Al-Tawbat : 108	Partikel "min" merujuk kepada masa.	Partikel "min" merujuk kepada tempat, bukannya masa.
4)	فَأَطْلُعْ إِلَيْهِ مُؤْسَى Ghâfir : 37	Kata kerja أَطْلُعْ dibaca secara akusatif sebagai jawapan kepada partikel la'alla sebelumnya.	Kata kerja أَطْلُعْ dibaca secara akusatif sebagai jawapan kepada fi'l amr dalam ayat sebelumnya.
5)		Kata kerja تَنْفَعَهُ dibaca secara akusatif sebagai jawapan kepada partikel la'alla sebelumnya	Kata kerja تَنْفَعَهُ ma'tuf kepada kata kerja يَرْكُنُ sebelumnya yang bersifat akusatif.
6)	وَيُسْقَى مِنْ مَاء صَدِيدٍ Ibrâhîm : 16	Perkataan أَتْفَ ال- Bayân kepada perkataan مَاء .	Perkataan صَدِيدٍ badal kepada perkataan مَاء .

5.3 Persetujuan al-Zamakhsyariyy Terhadap Aliran Nahu

Basrah dan Aliran Nahu Kufah

Perlu dijelaskan di sini bahawa al-Zamakhsyariyy akan menentukan sikap beliau dalam setiap masalah nahu yang melibatkan pertelingkahan antara Aliran Nahu Basrah dengan Aliran Nahu Kufah, iaitu sama ada beliau akan menyokong Aliran Nahu Basrah atau pun memihak kepada Aliran Nahu Kufah. Oleh itu, amat sukar sekali untuk kita menemui dalam kitab Tafsir al-Kasasyaf pendapat beliau yang memihak kepada kedua-dua aliran nahu tersebut.

Bagaimanapun, semasa melakukan kajian terhadap kitab Tafsir al-Kasasyaf, penulis telah berjaya menemui satu contoh masalah nahu yang berkaitan dengan perkara tersebut. Contoh yang dimaksudkan ialah :-

5.3.1 Ism Isyārat Yang Bermakna Ism Mawsūl

Menurut al-Anbāriyy (1961 : 2 / 717) yang bermaksud : "Ulama-ulama Aliran Nahu Kufah berpendapat bahawa perkataan "hādha" (هذَا) dan yang seumpamanya daripada kategori Ism al-Isyārat (Kata Nama Petunjuk) boleh bermakna perkataan "al-ladhi" (الْذِي) dan yang seumpamanya daripada kategori al-Ism al-Mawsūl (yakni kata nama yang membawa makna "yang"), iaitu seperti

contoh berikut :- هذا قال ذلك زيد yang bermaksud : "Orang yang berkata perkara

الذى قال ذلك زيد tersebut ialah Zaid" yakni dengan maksud :- .

Manakala, ulama-ulama Aliran Nahu Basrah pula berpendapat bahawa perkataan hādhā tersebut tidak boleh membawa makna bagi perkataan al-ladhi. Begitu juga dengan semua Ism al-Isyārat yang lain yang juga tidak boleh membawa makna bagi semua Ism Mawsūl yang lain".

Antara hujah Aliran Nahu Kufah ialah firman Allah Ta'ala dalam surah al-Baqarat ayat yang ke-85 :- ثُمَّ أَتْشَمْ هُولَاءَ تَقْتُلُونَ أَنفُسَكُمْ yang bermaksud :

"Kemudian kamu ini (wahai Bani Israel), kamu berbunuhan-bunuhan sesama sendiri, ... ", firmanNya dalam surah al-Nisā' ayat yang ke-109 :-

هَا أَتْشَمْ هُولَاءَ حَادَّتُمْ عَنْهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا yang bermaksud : "Sedarah ! Kamu ini ialah orang-orang yang telah menyimpang dari kebenaran, kamu telah berhujah membela mereka (yang bersalah) dalam kehidupan dunia ini" dan juga firmanNya dalam surah Tāhā ayat yang ke-17 :- وَمَا تَلْكَ بِيمِينِكَ يَا مُوسَى yang bermaksud : "Dan apa bendanya yang di tangan kananmu itu wahai Mūsā ?".

Dalam ketiga-tiga ayat al-Quran ini, Ism al-Isyārat هُولَاءَ dan تَلْكَ masing-masing bermaksud الذِينَ dan الَّتِي, yakni dengan makna Ism Mawsūl.

Oleh itu, frasa ayat selepasnya di'rab sebagai silat al-mawsūl (frasa ayat yang terletak selepas Ism Mawsūl yang berfungsi melengkapkan makna Ism Mawsūl). Oleh itu, ketiga-tiga ayat al-Quran di atas diandaikan seperti berikut,

aitu :- هَا أَئْتُمُ الَّذِينَ جَاهَدُوكُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ، لَمْ أَئْتُمُ الَّذِينَ قُتُلُوكُمْ أَنفُسُكُمْ dan

وَمَا أُنْتُ بِمِنْكُمْ إِلَّا مُؤْسِى tanpa mengubah maksud yang dikehendaki.

Selain itu, Aliran Nahu Kufah juga turut berhujah dengan bait puisi Ibn Mufarrigh (pemuisi Islāmiy), iaitu :-

عَدَسْ مَا لِعَبَادٍ عَلَيْكِ إِمَارَةُ * أَمِنْتُ وَهُنَّا تَحْمِيلُنِي طَلِيقُ

yang bermaksud : "Wahai baghalku 'Adas ! 'Abbad (bin Ziad) tidak lagi mempunyai kuasa ke atas kamu. Sekarang ini kamu selamat dan orang yang kamu bawa ini juga telah pun bebas".

Menurut Aliran Nahu Kufah, Ism al-Isyārat ḥādhā dalam bait puisi ini bermaksud Ism Mawsūl al-ladhi. Oleh itu, mereka telah mentakwilkannya seperti berikut :- وَالَّذِي تَحْمِلُنِي طَلِيقُ .

Dalam pada itu, Aliran Nahu Basrah pula berhujah bahawa perkara yang tersebut tidak harus kerana penggunaan asal bagi perkataan ḥādhā dan yang seumpamanya daripada kategori Ism al-Isyārat ialah bertujuan untuk merujuk kepada isyarat (petunjuk), manakala perkataan al-ladhi dan yang seumpamanya daripada kategori Ism Mawsūl pula tidak merujuk kepada

isyarat. Oleh itu, Ism Mawsūl sepatutnya tidak boleh membawa makna yang dibawa oleh Ism al-Isyārat (al-Anbāriy, 1961 : 2 / 717 - 719).

Kenyataan al-Zamakhsyariy yang menyokong kedua-dua pendapat aliran nahu tersebut boleh dilihat semasa beliau mentafsir firman Allah Ta'ala dalam surah al-Nisā' ayat yang ke-109, iaitu :-

هَا أَنْشَمْ هُؤُلَاءِ حَادَّتْ عَنْهُمْ فِي الْحَيَاةِ

الدُّنْيَا فَمَنْ يُجَاهِدُ اللَّهَ عَنْهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَمْ مَنْ يَكُونُ عَلَيْهِمْ وَكِيدَأً

"Sedarlah ! Kamu ini ialah orang-orang (yang telah menyimpang dari kebenaran), kamu telah berhujah membela mereka (yang bersalah) dalam kehidupan dunia ini, maka siapakah yang akan berhujah dengan Allah untuk membela mereka itu pada hari qiamat kelak ? Atau siapakah yang akan menjadi pelindung mereka (dari azab seksa yang disediakan oleh Allah) ?".

Sehubungan ayat ini, al-Zamakhsyariy (1995 : 1 / 551) menjelaskan bahawa perkataan هَا berfungsi sebagai tanbih (perhatian) kepada ganti-nama أَنْشَمْ dan هُؤُلَاءِ yang masing-masing berfungsi sebagai mutbada' dan khabar. Manakala, frasa ayat حَادَّتْ berfungsi sebagai mubayyinat (yakni penerang kepada khabar) disebabkan perkataan هُؤُلَاءِ berfungsi sebagai khabar. Keadaan ini sama seperti ujaran kamu terhadap orang yang pemurah, iaitu أَنْتَ حَاتِمُ تَحْوُذُ بِمَالِكَ وَتُؤْتِرُ عَلَى نَفْسِكَ :-

"Kamu adalah

Hatim kerana kamu bersifat pemurah dengan harta kamu dan kamu berpada-pada terhadap dirimu sendin".

Selain itu, perkataan **هُوَ لِأَعْ** juga harus menjadi Ism Mawsūl yang membawa makna **الذِّينَ**. Oleh itu, frasa ayat **جَاءَكُمْ** berfungsi sebagai **silat** kepada Ism Mawsūl tersebut.

Dalam keterangan ini, al-Zamakhsyariy telah mengemukakan dua bentuk i'rāb bagi frasa ayat **جَاءَكُمْ**, iaitu :-

- 1) Frasa tersebut berfungsi sebagai mubayyinat kepada khabar.
- 2) Frasa tersebut berfungsi sebagai silat kepada Ism Mawsūl.

Bentuk i'rāb yang pertama itu bersesuaian dengan pendapat Aliran Nahu Basrah yang tidak mengharuskan Ism al-Isyārat bermaksud Ism Mawsūl. Oleh itu, frasa ayat selepas Ism al-Isyārat itu (antaranya) dii'rāb sebagai **Hal** kerana Ism al-Isyārat terdiri daripada kategori kata nama ma'rifat. Dalam hal ini, mubayyinat yang dimaksudkan oleh al-Zamakhsyariy itu boleh dianggap sebagai **Hal** kerana **Hal** berfungsi menerangkan keadaan yang wujud pada lafaz khabar (al-Sabbān, T. T. : 1 / 160).

Manakala, bentuk i'rāb yang kedua pula sesuai dengan pendapat Aliran Nahu Kufah yang mengatakan Ism al-Isyārat boleh bermaksud Ism Mawsūl. Oleh itu, frasa ayat selepas Ism al-Isyārat tersebut dii'rāb sebagai

silat kepada Ism Mawsūl. Dalam hal ini, kita dapati al-Zamakhsyariy tidak melakukan sebarang kritikan terhadap kedua-dua pendapat tersebut. Ini membuktikan bahawa beliau bersetuju dengan kedua-dua aliran nahu tersebut.

Sokongan al-Zamakhsyariy terhadap kedua-dua aliran nahu ini diperkuatkan lagi dengan pentafsiran beliau terhadap firman Allah Ta'ala dalam surah Tāhā ayat yang ke-17, iaitu : - وَمَا تِلْكَ بِيَمِينِكَ يَا مُوسَى - yang bermaksud :

"Dan apa bendanya yang di tangan kananmu itu wahai Mūsā ?".

Menurut al-Zamakhsyariy (1995 : 3 / 55) yang bermaksud :- "Firman Allah Ta'ala وَمَا تِلْكَ بِيَمِينِكَ يَا مُوسَى - adalah seumpama firmanNya dalam surah

Hūd ayat yang ke-72 وَهَذَا بَعْلِيٌّ شَيْخًا - yang bermaksud : "... dan suamiku ini juga

sudah tua", iaitu dengan dibaca Hal (شَيْخًا) secara akusatif melalui makna

isyarat pada هَذَا . Selain itu, Ism al-Isyārat تِلْكَ juga harus bermakna Ism Mawsūl

dan silatnya ialah frasa ayat . بِيَمِينِكَ "

Keterangan al-Zamakhsyariy ini jelas sekali menunjukkan bahawa beliau berpendapat frasa ayat بِيَمِينِكَ berada di tempat akusatif sebagai Hal sama seperti perkataan شَيْخًا dalam ayat :-

. وَهَذَا بَعْلِيٌّ شَيْخًا Pendapat

beliau ini bersesuaian dengan pendapat Aliran Nahu Basrah yang tidak mengharuskan Ism al-Isyārat bermakna Ism Mawsūl.

Bagaimanapun, beliau juga mengharuskan Ism al-Isyārat ذلك bermakna Ism Mawsūl الّي. Oleh itu, andaian ayat al-Quran tersebut mengikut Aliran Nahu Kufah adalah seperti berikut :- وَمَا الْتِي اسْتَقَرَتْ بِيَمِينِكَ يَا مُوسَى (Abu Ḥayyān, 1992 : 7 / 321).

Seperti juga dalam pentafsiran beliau sebelum ini, al-Zamaksyariy tidak melakukan sebarang kritikan terhadap kedua-dua aliran nahu berkenaan atau pun menganggap salah satu daripadanya adalah lebih baik daripada pihak yang satu lagi. Hal ini bukan sahaja membuktikan persetujuan beliau terhadap kedua-dua aliran nahu tersebut, tetapi juga menunjukkan sikap al-Zamakhsyariy yang tidak taksub terhadap satu-satu pendapat sahaja, malah beliau adalah ulama yang mempunyai pemikiran yang terbuka dan proaktif sebagaimana yang akan kita lihat selepas ini.

Melalui perbincangan di atas, pemikiran nahu al-Zamakhsyariy berkaitan dengan perkara tersebut boleh diringkaskan seperti jadual yang berikut :-

Jadual 8

Persetujuan Al-Zamakhsyariy Terhadap Aliran Nahu Basrah dan Aliran Nahu Kufah

No.	Masalah Nahu	Ayat al-Quran	Pemikiran Nahu al-Zamakhsyariy
1)	Ism al-Isyarat bermaksud Ism al-Mawsūl.	هَا أَنْتَ هُوَ لَاءِ جَادِلُكُمْ Al-Nisā' : 109	Perkataan حَادِلُكُمْ dii'rāb sebagai Hal atau silat kepada هُوَ لَاءِ yang bermaksud الْذِينَ .
		وَمَا تُلْكَ بِيَمِينِكَ Tāhā : 17	Perkataan يَمِينِكَ dii'rāb sebagai Hal atau silat kepada تُلْكَ yang bermaksud الْتِي .

5.4 Ijtihad al-Zamakhsyariy Dalam Pemikiran Nahu

Seperti yang dinyatakan di awal Bab Kelima sebelum ini, al-Zamakhsyariy kadangkala bukan sahaja mengemukakan pendapat beliau yang berse-suaian dengan Aliran Nahu Basrah atau pun Aliran Nahu Kufah, malah beliau juga turut mengemukakan pendapat beliau yang tersendiri yang tidak terikat dengan kedua-dua aliran nahu berkenaan.

Pemikiran nahu beliau yang tersendiri inilah yang kita namakan sebagai ijtihad. Antara contoh ijtihad dalam pemikiran nahu al-Zamakhsyariy dalam Tafsir al-Kasasyaf adalah seperti berikut :-

5.4.1 `Atf al-Bayān dan Matbū`nya Berbeza Dari Sudut

Ifrād, Ta`rif dan Genus

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini (lihat 5.2.5, hlm. 216), Aliran Nahu Basrah dan Aliran Nahu Kufah berselisih pendapat dari sudut keharusan `Atf al-Bayān dan matbū`nya dalam bentuk nakirat. Walau bagaimanapun, mereka bersepakat bahawa `Atf al-Bayān dan matbū`nya mestilah mempunyai persesuaian dalam empat sudut seperti berikut, iaitu :-

- 1) I`rāb (nominatif, akusatif atau genetif).
- 2) Ifrād (tunggal), tathniyat (dual) dan jam` (jamak).
- 3) Ta`rif (ma`rifat).
- 4) Genus (mudhakkār dan mu'annath).

Namun begitu, dalam Tafsīr al-Kasysyāf kita dapati al-Zamakhsyāriyy menyalahi kedua-dua aliran nahu tersebut apabila beliau mengharuskan `Atf al-Bayān dan matbū`nya berbeza dalam ketiga-tiga sudut yang terakhir daripada empat sudut tersebut.

Perkara ini dapat dilihat semasa beliau mentafsir firman Allah Ta`ala dalam surah Āli `Imrān ayat yang ke-97, iaitu :-

فِيهِ آيَاتٌ بَيْنَاتٌ مَقَامُ إِبْرَاهِيمَ وَمَنْ دَخَلَهُ كَانَ آمِنًا ... yang bermaksud : "Di situ ada

tanda-tanda keteranganNya yang nyata (yang menunjukkan kemuliaanNya, di

antaranya ialah) maqam Nabi Ibrāhīm. Dan sesiapa yang masuk ke dalamnya, aman tenteramlah dia ...".

Menurut al-Zamakhsyari (1995 : 1 / 379) yang bermaksud : "Firman Allah Ta'ala آياتٌ بَيِّناتٌ adalah 'Atf al-Bayān kepada firmanNya . مَقَامٌ لِّإِبْرَاهِيمَ

Walaupun 'Atf al-Bayān itu berbentuk mufrad (tunggal) dan matbu'nya pula berbentuk kata jamak, namun perkara ini diharuskan berdasarkan dua sebab seperti berikut, iaitu :-

- 1) Menjadikan perkataan yang mufrad tersebut setaraf dengan perkataan jamak yang bermaksud tanda-tanda yang banyak. Ini kerana maqam Nabi Ibrāhīm adalah tanda kekuasaan Allah dan kenabian Nabi Ibrāhīm yang begitu nyata yang terpancar melalui kesan tapak kakinya pada sebongkah batu yang keras.
- 2) Perkataan mufrad tersebut terdiri daripada tanda-tanda yang banyak. Ini kerana kesan tapak kaki Nabi Ibrāhīm pada batu yang keras itu adalah satu tanda, kesan tapak kaki yang mendalam sehingga ke bahagian buku lali adalah satu tanda, kelembutan sebahagian batu tanpa sebahagian yang lain adalah satu tanda dan pengekalan kesan tersebut selama beribu-ribu tahun lamanya berbanding tanda-tanda kenabian Nabi Ibrāhīm yang lain juga adalah sebagai satu tanda yang lain".

Dalam keterangan di atas, al-Zamakhsyari menganggap perkataan آياتٌ بَيِّناتٌ adalah 'Atf al-Bayān kepada perkataan مَقَامٌ لِّإِبْرَاهِيمَ sedangkan kedua-dua perkataan tersebut berbeza dari sudut ifrād dan jam', tankir dan

ta`rif dan dari sudut genus. Ini kerana perkataan آيات بسات bersifat jam', tankir dan mu'annath (feminin), manakala perkataan مقام إبراهيم pula bersifat mufrad (tunggal), ma'rifa dan mudhakkir (maskulin).

Menurut Abū Ḥayyān (1992 : 3 / 272) yang bermaksud : "Pendapat al-Zamakhsyārī ini bertentangan dengan ijmāk ulama Aliran Nahu Kufah dan Aliran Nahu Basrah. Oleh itu, pandangannya tidak perlu diberi perhatian Justeru itu, pendapat yang paling utama dan yang paling tepat tentang i'rāb perkataan مقام إبراهيم adalah seperti berikut :-

1) Perkataan tersebut dii'rāb sebagai khabar kepada mutbada' yang telah digugurkan daripada ayat. Oleh itu, ayat tersebut diandaikan seperti berikut :-

أحدّها مقام إبراهيم yang bermaksud : "Salah satu daripada tanda-

tanda yang jelas tersebut ialah maqam Nabi Ibrāhīm".

2) Perkataan tersebut dii'rāb sebagai mutbada' dan khabarnya telah digugurkan daripada ayat. Oleh itu, ayat tersebut diandaikan seperti berikut :-

منها مقام إبراهيم yang bermaksud : "Antara tanda tersebut yang jelas ialah maqam Nabi Ibrāhīm".

Daripada perbincangan di atas, kita boleh membuat kesimpulan bahawa al-Zamakhsyārī bukan sahaja memihak kepada Aliran Nahu Kufah apabila beliau mengharuskan 'Atf al-Bayān dan matbū'nya dalam bentuk

nakirat, malah beliau juga turut mengemukakan pendapat beliau yang tersendiri dengan mengharuskan ‘Atf al-Bayān dan matbū’nya berbeza dari sudut ifrād dan jam’, tankīr dan ta’rif dan dari sudut genus (mudhakkar dan mu’annath).

5.4.2 Muta`alliq Kepada Basmalat

Pendapat al-Zamakhsyariy dalam masalah ini boleh dilihat semasa beliau mentafsir firman Allah Ta`ala dalam surah al-Fatiha ayat yang pertama, iaitu : - بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ yang bermaksud : “Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani”.

Menurut al-Zamakhsyariy (1995 : 1 / 12) yang bermaksud : “Perkataan yang menjadi muta`alliq (yakni mempunyai kaitan) kepada partikel Ba’ telah digunakan daripada ayat. Oleh itu, ayat al-Quran tersebut diandaikan seperti berikut, iaitu : - بِسْمِ اللَّهِ أَفْلَأُ أَوْ أَنْلَوْ yang bermaksud : “Dengan nama Allah aku membaca”.

Ini kerana perkara yang mengiringi lafadz Allah di atas adalah sesuatu yang dibaca”.

Melalui keterangan di atas, kita dapati al-Zamakhsyariy berpendapat perkataan yang menjadi muta`alliq kepada partikel Ba’ adalah bentuk kata kerja yang terletak selepas perkataan basmalat (yakni perkataan yang merujuk kepada ujaran بِسْمِ اللَّهِ). Dalam hal ini, kata kerja yang diandaikan

oleh al-Zamakhsyariī ialah ﴿أَقْرَأْتُ﴾ atau pun ﴿أَتَلَوْتُ﴾ (yang masing-masing ber-maksud "aku membaca").

Pendapat al-Zamakhsyariī yang mengandaikan kata kerja sebagai muta'alliq kepada partikel Ba' ini bertentangan dengan pendapat Aliran Nahu Basrah yang mengandaikan kata nama sebagai muta'alliq. Begitu juga, pendapat beliau tersebut bertentangan dengan pendapat Aliran Nahu Kufah yang mengandaikan kata kerja sebelum perkataan basmalat.

Menurut Abū Hayyān (1992 : 1 / 29) yang bermaksud : "Kedudukan partikel Ba' dalam firmanNya ﴿بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ﴾ adalah secara akusatif, iaitu dengan

andaian :- ﴿بَدَأْتُ بِسْمِ اللَّهِ﴾ yang bermaksud : "Aku bermula dengan nama Allah".

Pendapat ini adalah pendapat Aliran Nahu Kufah Bagaimanapun, al-Zamakhsyariī mengandaikan kata kerja yang selain daripada ﴿بَدَأْتُ﴾ di samping meletakkannya di bahagian akhir (yakni selepas basmalat)

Selain itu, ada juga pihak yang berpendapat muta'alliq kepada partikel Ba' itu adalah kata nama yang bersifat nominatif sebagai mubtada'. Oleh itu, ayat tersebut diandaikan seperti berikut :- ﴿أَبْدَأْتُ مُسْتَقْرِئًا بِسْمِ اللَّهِ﴾ yang bermaksud :

"Permulaanku adalah tetap dengan nama Allah". Ini adalah pendapat Aliran Nahu Basrah".

Melalui perbincangan di atas, kita boleh membuat kesimpulan bahawa Aliran Nahu Kufah mengandaikan kata kerja sebagai muta`alliq kepada partikel Ba' yang terdapat pada perkataan basmalat, manakala Aliran Nahu Basrah pula mengandaikan kata nama sebagai muta`alliq. Bagaimanapun, kedua-dua aliran nahu tersebut bersepakat bahawa muta`alliq berkenaan terletak sebelum perkataan basmalat. Namun begitu, kita dapati al-Zamakh-syariy melencong daripada kedua-dua pendapat aliran nahu tersebut apabila beliau mengandaikan muta`alliq kepada partikel Ba' berkenaan adalah kata kerja yang terletak selepas basmalat.

5.4.3 Al-'Atf Selepas Hamzat al-Istifham

Sehubungan dengan masalah ini, Ibn Hisyām (1987 : 1 / 16) telah mengemukakan dua pendapat seperti berikut :-

1) Sibawayh dan jumhur ulama (sebelum al-Zamakhsyariy) berpendapat bahawa partikel Hamzat al-Istifham seperti contoh :- أَوْلَمْ يَنْظُرُوا ؟ (al-A'rāf : 185) yang bermaksud : "Dan patutkah mereka tidak mahu memerhatikan ... ", tidak terletak pada kedudukannya yang asal, iaitu dipermulaan ayat kerana asal ayat tersebut ialah :- وَلَمْ يَنْظُرُوا . Justeru itu, partikel "Waw" dalam ayat tersebut di'atafkan kepada ayat yang terletak sebelumnya, iaitu :- أَوْلَمْ يَتَفَكَّرُوا مَا يَصَاحِبُهُمْ مِنْ جِنَّةٍ إِنْ هُوَ إِلَّا نَذِيرٌ مُبِينٌ yang bermaksud : "Patutkah

mereka (ingkar dan) tidak mahu memikirkan bahawa sahabat mereka (Muhammad) tidak sekali-kali mengidap penyakit gila, bahkan ia hanyalah seorang yang memberi amaran yang jelas”.

2) Al-Zamakhsyariy dan sebahagian ulama yang selepasnya berpendapat bahawa partikel Hamzat tersebut sememangnya terletak di tempatnya yang asal, iaitu dipermulaan ayat. Oleh itu, partikel "Waw" dalam ayat tersebut diatafkan kepada suatu ayat yang telah digugurkan yang terletak selepas partikel Hamzat dan sebelum partikel "Waw" berkenaan. Oleh itu, ayat di atas diandaikan seperti berikut :- أَكْفَرُوا وَلَمْ يَنْتَهُوا yang bermaksud : "Patutkah mereka itu ingkar sedangkan mereka tidak mahu memerhatikan ...".

Pendapat al-Zamakhsyariy yang menyalahi mazhab Sibawayh dan jumhūr ulama ini boleh dilihat semasa beliau mentafsir firman Allah Ta'ala dalam surah al-Baqara ayat yang ke-100, iaitu :-

أَوْ كُلُّمَا عَاهَدُوا عَهْدًا بَذَّهَ فَرِيقٌ مِنْهُمْ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ yang bermaksud : "Patutkah (mereka ingkarkan ayat-ayat keterangan itu) dan patutkah tiap-tiap kali mereka mengikat perjanjian setia, dibuang dan dicabuli oleh segolongan dari mereka ? Bahkan kebanyakannya mereka tidak beriman".

Menurut al-Zamakhsyariy (1995 : 1 / 171) yang bermaksud : "Partikel "Waw" dalam firmanNya :- أَوْ كُلُّمَا adalah "Waw" al-'Atf yang berfungsi meng'atafkan suatu ayat yang telah digugurkan. Oleh itu, ayat tersebut diandaikan seperti berikut :-

أَكْفَرُوا بِالآيَاتِ الْبَيِّنَاتِ وَكُلُّمَا عَاهَدُوا ... yang bermaksud : "Patutkah mereka ingkar terhadap tanda-tanda yang jelas, dan tiap-tiap kali mereka mengikat perjanjian setia ..."

Dalam keterangan di atas, al-Zamakhsyari berpendapat bahawa partikel "Waw" berfungsi mengatafkan ayat yang telah digugurkan selepas partikel Hamzat al-Istifham. Oleh itu, partikel Hamzat tersebut mesti berada di awal ayat secara asal atau hakiki.

Bagaimanapun, pendapat al-Zamakhsyari ini bertentangan dengan pendapat Sibawayh dan jumhur ulama yang berpendapat bahawa partikel "Waw" dalam ayat tersebut berfungsi mengatafkan ayat yang terletak sebelum partikel Hamzat tersebut, iaitu firman Allah Ta'ala dalam ayat yang sebelumnya (al-Baqarat : 99) وَمَا يَكْفُرُ بِهَا إِلَّا الْفَاسِقُونَ :- yang bermaksud :

"... Dan tidak ada yang akan mengingkarinya melainkan orang-orang yang fasik".

Oleh itu, partikel Hamzat tersebut tidak berada di tempatnya yang asal kerana kedudukannya yang asal ialah selepas "Waw" al-'Atf, yakni asal ayat tersebut ialah وَأَكْلُمَا عَاهَدُوا :- .

Walaupun dalam masalah ini al-Zamakhsyari mempunyai pendapat yang berlainan daripada pendapat jumhur ulama, ini tidak bermakna beliau sama sekali menolak pendapat jumhur ulama tersebut. Malah, al-Zamakah-

syari' juga dilihat berfikiran terbuka apabila beliau mengharuskan dua bentuk i'rāb, iaitu satu bentuk i'rāb yang memihak kepada pendapat jumhur ulama dan satu bentuk lagi adalah pendapat beliau sendiri.

Keadaan ini boleh dilihat semasa beliau mentafsir firman Allah Ta'ala dalam surah Āli 'Imrān ayat yang ke-83, iaitu :-

أَفَيْئِرُ دِينَ اللَّهِ يَعْنُونَ وَلَهُ اسْلَمَ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ yang yang

bermaksud : "Patutkah sesudah (mengakui dan menerima perjanjian) itu mereka mencari lain daripada agama Allah ? Pada hal kepadaNyalah tunduk taat sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi, sama ada dengan sukarela atau pun terpaksa, dan kepadaNyalah mereka dikembalikan".

Menurut al-Zamakhsyariy (1995 1 / 372) yang bermaksud : "Partikel Hamzat masuk ke atas partikel "Fa'" yang berfungsi meng'atafkan suatu ayat ke atas suatu ayat yang lain. Oleh itu, ayat tersebut bermaksud :-

فَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ فَغَيْرُ دِينِ اللَّهِ يَعْنُونَ yang bermaksud : "Mereka itu adalah orang-orang yang fasik, maka apa yang mereka cari adalah sesuatu yang selain daripada agama Allah". Kemudian, partikel Hamzat itu berada di tengah-tengah antara kedua-dua ayat tersebut (yakni ayat tersebut kemudiannya menjadi :-

). فَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ أَفَيْئِرُ دِينَ اللَّهِ يَعْنُونَ

Selain itu, partikel Fa' juga harus berfungsi meng'atafkan suatu ayat yang digugurkan daripada ayat berkenaan. Oleh itu, ayat tersebut diandaikan seperti

berikut : - أَتَتُولُونَ فَغَيْرُ دِينِ اللَّهِ يَعْنُونَ yang bermaksud : "Patutkah mereka itu berpaling tada, maka mereka pun mencari sesuatu yang selain daripada agama Allah"".

Dalam keterangan di atas, al-Zamakhsyari telah mengemukakan dua bentuk i'rāb bagi ayat yang terletak selepas partikel "Fa'", iaitu :-

- 1) Ayat yang terletak selepas partikel "Fa'" tersebut di'atafkan ke atas ayat yang terletak sebelum partikel Hamzat.
- 2) Ayat tersebut di'atafkan ke atas suatu ayat yang telah digugurkan yang terletak selepas partikel Hamzat.

Jelas sekali bentuk i'rāb yang pertama bersesuaian dengan pendapat Sibawayh dan jumhur ulama, manakala bentuk i'rāb yang kedua pula merupakan ijtihad al-Zamakhsyari sendiri. Walaupun pendapat Aliran Nahu Basrah dan Aliran Nahu Kufah tidak dinyatakan dalam masalah ini, tetapi pendapat jumhur ulama tersebut bolehlah dianggap mewakili pendapat kedua-dua aliran nahu berkenaan.

5.4.4 Partikel "Wāw" Harus Bermakna Ibāhat

Yang dimaksudkan dengan ibāhat atau pengharusan ialah suatu ayat yang membawa maksud tuntutan yang berlaku ke atas dua perkara yang harus dihimpunkan. Contohnya seperti ayat berikut :- يَعْلَمُ الْفِقْهَ أَوْ التَّحْوِ yang

bermaksud : "Kamu hendaklah mempelajari fekah atau nahu" (Ibn Hisyām, 1987 : 1 / 62 dan Maysyal Ḥāfiẓ, 1987 : 1 / 21 & 256).

Dalam contoh tersebut, perkataan **الْفَكَاهَةُ** (fekah) dan **النُّحُوُّ** (nahu) adalah dua perkataan yang harus dihimpunkan, iaitu kita boleh menyebut seperti berikut : "Kamu hendaklah mempelajari fekah **dan juga** nahu". Oleh itu, partikel "Aw" dalam ayat di atas bermakna ibāḥat, yakni dengan maksud : "Kamu diharuskan mempelajari fekah atau pun nahu".

Menurut al-Zamakhsyārī, partikel "Wāw" sebagaimana juga partikel "Aw" harus membawa makna ibāḥat. Bagaimanapun, pendapat beliau ini bertentangan dengan mazhab Aliran Nahu Basrah yang tidak mengharuskan partikel "Wāw" membawa makna partikel "Aw" dan begitu juga sebaliknya sebagaimana yang telah dijelaskan dalam Bab Kelima sebelum ini (lihat 5.1.8, hlm. 165).

Pendapat al-Zamakhsyārī berkaitan perkara ini boleh dilihat semasa beliau mentafsir firman Allah Ta`ala dalam surah al-Baqarāt ayat yang 196, iaitu : -

... فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ فِي الْحَجَّ وَسَبْعَةٌ إِذَا رَجَعْتُمْ تِلْكَ عَشَرَةً كَامِلَةً ...

yang bermaksud : "...Maka barangsiapa yang tidak dapat (mengadakan dam), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari dalam masa mengerjakan haji dan tujuh hari lagi apabila kamu kembali (ke tempat masing-masing), semuanya itu sepuluh hari cukup sempurna ...".

Menurut al-Zamakhsyariy (1995 : 1 / 239) yang bermaksud : "Faedah menyebut lafaz عَشْرَةً (yang bermaksud "sepuluh") dalam ayat tersebut adalah kerana partikel "Waw" kadang-kadang bermakna ibāhat seperti contoh berikut :-
وَأَنْ سِيرِينَ حَالِسٌ الْحَسَنُ yang bermaksud : "Kamu hendaklah duduk bersama-sama dengan Hasan dan / atau Ibn Sirin".

Dalam contoh ini, kita akan dapati sekiranya dia duduk bersama-sama dengan kedua-dua lelaki berkenaan atau pun salah satu antara keduanya, maka tindakannya itu adalah betul. Oleh itu, lafaz عَشْرَةً dalam ayat al-Quran di atas boleh berfungsi menafikan maksud ibāhat dalam ayat berkenaan".

Dalam ayat al-Quran tersebut, partikel "Waw" وَسَبْعَةً menurut al-Zamakhsyariy harus bermakna ibāhat, iaitu dengan maksud kita diharuskan sama ada untuk berpuasa selama tiga hari pada musim haji atau pun tujuh hari selepas pulang daripada mengerjakan haji. Justeru itu, untuk mengelak salah faham terhadap maksud sebenar ayat al-Quran tersebut, maka perkataan عَشْرَةً perlu disebut selepasnya untuk menafikan makna ibāhat tersebut. Ini kerana perkataan tersebut berfungsi menentukan bilangan hari berpuasa yang wajib dilakukan. Oleh itu, jelaslah bahawa kita dikehendaki berpuasa selama sepuluh hari, iaitu tiga hari pada musim haji dan tujuh hari lagi selepas pulang daripada mengerjakan haji.

Pendapat al-Zamakhsyariyy yang mengharuskan partikel "Waw" bermakna ibahat ini - sebagaimana juga partikel "Aw" - bertentangan dengan pendapat ulama-ulama nahu sebelumnya. Oleh itu, pendapat al-Zamakhsyariyy ini dianggap ijтиhad daripada beliau sendiri.

Menurut Ibn Hisyām (1987 : 2 / 358) yang bermaksud : "Perkara yang diketahui umum melalui pandangan ulama-ulama nahu ialah sekiranya disebut :- جَلِيلُ الْحَسَنِ وَابْنُ سِيرِينَ , maka perintah duduk tersebut adalah ke atas keduanya sekali (bukannya salah satu antara keduanya). Oleh itu, mereka telah menjadikan perkara ini sebagai perbezaan antara al-'atf dengan menggunakan partikel "Waw" dan al-'atf dengan menggunakan partikel "Aw".

Setelah mengemukakan berbagai-bagai pendapat dalam masalah ini, Abū Hayyān (1992 : 2 / 268 - 269) akhirnya menyebut bahawa pendapat yang paling baik sekali ialah pendapat yang mengatakan bahawa partikel "Waw" dalam ayat al-Quran di atas bermaksud gabungan yang merupakan makna asal bagi partikel tersebut.

Oleh itu, perkataan عَشَرَةُ dalam ayat tersebut berfungsi sebagai tawkid kepada ayat sebelumnya. Hal ini kerana mengikut kaedah orang-orang Arab, apabila mereka menyebut dua kata bilangan atau lebih, maka mereka akan menjumlahkan bilangan tersebut dengan sempurna.

5.4.5 Pengguguran Ma'tuf 'Alayh Bagi Partikel "Am"

Al-Muttasilat

"Am" al-Muttasilat ialah partikel "Am" yang berfungsi menyambungkan frasa ayat yang selepasnya dengan frasa ayat yang sebelumnya. Oleh itu, kedua-dua frasa ayat tersebut dianggap bersambung antara satu sama lain. Oleh kerana frasa ayat yang sebelumnya dianggap bersambung dengan frasa ayat yang selepasnya, maka frasa ayat yang sebelumnya tidak harus digugurkan daripada ayat. Bagaimanapun, al-Zamakhsyariy mengharuskan pengguguran frasa ayat yang sebelum "Am" al-Muttasilat, iaitu frasa ayat yang diirab sebagai Ma'tuf 'Alayh bagi partikel berkenaan.

Menurut Ibn Hisyām (1987 : 1 / 44) yang bermaksud : "Hanya al-Zamakhsyariy seorang sahaja yang mengharuskan pengguguran Ma'tuf 'Alayh bagi partikel "Am" al-Muttasilat". Hal ini boleh dilihat semasa beliau mentafsir firman Allah Ta'ala dalam surah al-Baqarat ayat yang ke-133, iaitu :-

... اَمْ كُثُّمْ شُهَدَاءِ إِذْ حَضَرَ يَعْقُوبَ الْمُؤْمِنُ إِذْ قَالَ لِبَنِيهِ مَا تَعْبُدُونَ مِنْ بَعْدِي ...

bermaksud : "(Demikianlah wasiat Nabi Ya'qūb, bukan sebagaimana yang kamu katakan itu wahai orang-orang Yahudi), kamu tiada hadir ketika Nabi Ya'qūb hampir mati, ketika ia berkata kepada anak-anaknya : "Apakah yang kamu akan sembah sesudah aku mati ? ... ".

Menurut al-Zamakhsyariy (1995 : 1 / 191) yang bermaksud : "Ada pihak yang berpendapat bahawa ayat al-Quran tersebut ditujukan kepada orang-

orang Yahudi. Ini kerana mereka mendakwa : "Tidak ada seorang nabi pun yang mati kecuali mati dalam agama Yahudi". Bagaimanapun, sekiranya mereka melihat Nabi Ya'qūb dan mendengar apa yang dikatakan olehnya kepada anak-anaknya serta mendengar jawapan anak-anak Nabi Ya'qūb kepadanya, sudah pasti jelas bagi mereka kepatuhan Nabi Ya'qūb terhadap agama Islam dan sudah pasti mereka tidak akan mendakwa Nabi Ya'qūb menganut agama Yahudi.

Oleh itu, ayat al-Quran tersebut berfungsi menafikan dakwaan mereka itu. Dalam hal ini, kenapakah Allah Ta'ala menyebut kepada mereka dengan firmanNya :- أَمْ كُنْتُمْ شُهَدَاءَ . Justeru itu, perkara yang tepat dalam masalah ini ialah partikel "Am" dalam ayat al-Quran tersebut adalah "Am" al-Muttasilat berdasarkan pengguguran frasa ayat yang menjadi Ma'tūf 'Alayh sebelum partikel berkenaan dan diandaikan seperti berikut :- أَنْذَعْنَا عَلَى الْأَبْيَاءِ الْيَهُودِيَّةِ ؟ أَمْ كُنْتُمْ شُهَدَاءَ إِذْ حَضَرَ

"Am" dalam ayat al-Quran tersebut adalah "Am" al-Muttasilat berdasarkan pengguguran frasa ayat yang menjadi Ma'tūf 'Alayh sebelum partikel berkenaan dan diandaikan seperti berikut :- أَنْذَعْنَا عَلَى الْأَبْيَاءِ الْيَهُودِيَّةِ ؟ أَمْ كُنْتُمْ شُهَدَاءَ إِذْ حَضَرَ

يَعْرُبُ الْمَوْتُ yang bermaksud : "Patutkah kamu membuat dakwaan ke atas para nabi bahawa mereka itu menganut agama Yahudi ? Atau adakah kamu hadir ketika Nabi Ya'qūb hampir mati ?".

Melalui andalan tersebut, ayat al-Quran itu akan bermaksud bahawa golongan Bani Israel dari generasi yang terdahulu hadir ketika Nabi Ya'qūb menasihatkan anak-anaknya kepada tauhid dan agama Islam dan perkara ini telah pun diketahui oleh kamu semua (yakni orang-orang Yahudi yang menentang Nabi Muhammad s.a.w.). Oleh itu, kenapakah kamu semua terus membuat dakwaan ke atas para nabi dengan dakwaan yang mereka bersih daripada melakukannya ?".

Menurut Ibn Hisyām (1992 : 1 / 639) yang bermaksud : "Kita tidak mengetahui seorang pun (selain al-Zamakhsyārī) yang mengharuskan penggungan frasa ayat tersebut. Selain itu, gejala ini juga tidak terdapat dalam mana-mana puisi atau pun prosa. Hal ini kerana kita tidak harus menyebut :- أَمْ زَيْدٌ yang bermaksud : "Atau Zaid" sedangkan maksud yang kita kehendaki ialah :- أَقَامَ عَمْرُو أَمْ زَيْدٌ yang bermaksud : "Adakah 'Amr atau Zaid yang berdiri ?".

Menurut Ibn Hisyām lagi (1992 : 1 / 638) yang bermaksud : "Pendapat yang masyhur dalam masalah ini ialah partikel "Am" tersebut adalah "Am" al-Munqati'at (yakni partikel "Am" yang tidak berfungsi menyambungkan frasa ayat yang selepasnya dengan frasa ayat yang sebelumnya) yang mengandungi makna partikel "bal" dan Hamzat al-Istifham yang merujuk kepada penafian ... Oleh itu ayat al-Quran tersebut bermaksud : "Kamu semua tidak hadir ketika Nabi Ya'qūb hampir mati. Oleh itu, bagaimanakah kamu boleh mengaitkan Nabi Ya'qūb dengan suatu perkara yang kamu sendiri tidak ketahui ?".

Melalui perbincangan di atas, ijtihad al-Zamakhsyārī dalam pemikiran nahu boleh diringkaskan seperti jadual yang berikut :-

Jadual 9

Ijtihad Al-Zamakhsyariy Dalam Pemikiran Nahu

No.	Masalah Nahu	Ayat al-Quran	Pemikiran Nahu al-Zamakhsyariy
1)	'Atf al-Bayān dan matbu'nya berbeza dari sudut ifrād, ta'rīf dan genus.	فِيهِ آيَاتُ بَيْنَاتٌ مَقَامُ إِبْرَاهِيمَ Ali 'Imrān : 97	Perkataan مقام ابراهيم adalah 'Atf al-Bayān kepada perkataan آيات بَيْنَات .
2)	Muta'alliq kepada basmalat.	بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Al-Fatiha : 1	Muta'alliq kepada partikel Ba' adalah kata kerja yang terletak selepas perkataan basmalat, iaitu أَفْرَأْتُ أو أَلْوَأْ.
3)	Al-'atf selepas Hamzat al-Istifham.	أَوْ كُلِّمَا عَاهَدْنَا عَهْدًا Al-Baqara : 100	Partikel "Wāw" berfungsi mengatafkan ayat yang telah digugurkan yang terletak selepas partikel Hamzat al-Istifham.
4)	Partikel Wāw harus membawa makna ibahat.	وَسَبْعَةٌ إِذَا رَجَعْتُمْ تُلْكَ عَشَرَةُ كَامِلَةٍ Al-Baqara : 196	Partikel "Wāw" pada perkataan وَسَبْعَةٌ kemungkinan bermakna ibahat sekiranya perkataan عشرة tidak disebut dalam ayat.
5)	Pengguguran ma'tuf 'alayh bagi partikel "Am" al-Muttasilat.	أُمْ كُنْتُمْ شَهَدَاءَ Al-Baqara : 133	Partikel "Am" diatafkan kepada ayat yang telah digugurkan sebelumnya, iaitu :- أَنْدَعْنَاهُ عَلَى الْأَبْيَاءِ اليهودية .

5.5 Penutup

Melalui perbincangan di atas dapat kita rumuskan bahawa al-Zamakhsyariy tergolong dalam kategori ulama nahu Aliran Nahu Baghdad. Ini kerana beliau bukan sahaja telah mengemukakan pemikiran-pemikiran nahu yang memihak kepada Aliran Nahu Basrah, tetapi juga turut mengutarakan pendapat-pendapat yang memihak kepada Aliran Nahu Kufah di samping pendapat-pendapat daripada ijтиhad beliau sendiri. Namun begitu, pada masa yang sama al-Zamakhsyariy juga dilihat lebih cenderung kepada Aliran Nahu Basrah kerana kebanyakannya pemikiran nahu beliau memihak kepada aliran nahu berkenaan.